SELAMAT MENYAMBUT
TAHUN BAHARU CINA

selangorkini

PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 27 JANUARI - 2 FEBRUARI 2022 www.selangorkini.my

49,932 mangsa bah terima RM1,000

Setakat 26 Januari, sebanyak RM49.932 juta dana Bantuan Selangor Bangkit diagih berperingkat bagi membantu penduduk membaiki rumah dan membeli barang keperluan

MUKA 3

Sasar pelaburan RM8 bilion tahun ini

Laksana promosi lebih kreatif tarik pelabur asing dengan tumpu bidang antaranya elektronik, alatan pengangkutan, makanan dan minuman

MUKA 3

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyerahkan baucar Jom Shopping kepada seorang daripada 350 warga emas Cina sempena perayaan Tahun Baharu Cina di DUN Sungai Tua, Gombak pada 23 Januari 2022. Foto RADIN WAZIR

Tuah kertas merah di rumah, premis niaga

BUDAYA berusia 1,000 tahun yang kian dilupai generasi muda giat dihidupkan

> MUKA 11

Tradisi, pantang larang Tahun Baharu Cina

KETAHUI sejarah dan makna upacara perayaan etnik Tionghua

> MUKA 12 & 13

Makna cara pegang, bentuk penyepit

BUDAYAWAN ulas pengertian di sebalik amalan seharian masyarakat Cina

> MUKA 14

Pembukaan DNS pada 14 Mac

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj memberi perkenan pembukaan sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) bagi Penggal Ke-14, 2022 yang dijadualkan berlangsung selama dua minggu bermula 14 Mac depan.

Speaker DNS Ng Suee Lim berkata pembukaan sidang kali ini dilaksanakan dengan penuh istiadat termasuk pemeriksaan kawalan kehormat dan istiadat santapan dengan pelaksanaan tatacara operasi piawai (SOP) yang ketat.

"Persidangan kali ini dilaksanakan seperti yang dijadualkan dan mendapat perkenan Sultan Selangor untuk istiadat pembukaan. Perbincangan ahli dewan akan berdasarkan titah ucapan baginda yang akan menyentuh berhubung insiden banjir baru-baru ini dan lain-lain isu.

"Itu mungkin antara agenda utama akan dibahaskan oleh ahli dewan," katanya pada 20 Januari. – BERNAMA

Kaedah atasi banjir diumum Mac

GOMBAK - Kerajaan Selangor akan mengumumkan kaedah mengatasi masalah banjir di negeri ini dalam persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS) pada Mac.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pengumuman berkenaan dibuat selepas segala cadangan diperhalusi.

"Ini pelan jangka panjang kita untuk menyediakan sistem saliran yang lebih berkemampuan dalam menampung air dan taburan hujan yang tinggi," katanya pada 23 Januari.

Beliau berkata Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan bantuan kepada golongan petani dan peniaga kecil yang terjejas banjir pada Disember tahun lalu.

Katanya, bantuan itu akan diberi selepas Bantuan Selangor Bangkit (BSB) berjumlah RM1,000 dan bantuan persekolahan selesai diagih.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

Sultan: Kekal integriti, jauhi rasuah

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berharap penjawat awam khususnya mempunyai integriti yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

"Beta berharap agar penjawat awam menjalankan tugas dengan amanah, menjauhi rasuah dan peka dengan masalah yang dihadapi rakyat," titah Baginda di Majlis Pelancaran Buku From AS to AG – Reminiscence of a PTD Officer karya Tan Sri Ambrin Buang di sini pada 20 Januari.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah turut berkenan hadir di majlis itu.

Hadir sama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Presiden Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Tan Sri Abdul Halim Ali.

Baginda bertitah Ambrin merupakan Ketua Audit Negara paling lama iaitu selama 11 tahun dan telah mengemudi tugasnya dengan cemerlang.

"Beta berterima kasih atas khidmat bakti ketika beliau berkhidmat di Selangor," titah Baginda.

Ambrin yang telah berkhidmat di peringkat kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri selama 46 tahun, pernah menyandang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dari 1999 hingga 2001. - BERNAMA

Jadikan bencana iktibar

Elak tuding jari, baiki kelemahan

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar menggesa semua pihak berhenti menuding jari dan menyalahkan antara satu sama lain berhubung insiden banjir di Selangor bulan lalu.

Sebaliknya, Dato' Seri Amirudin Shari menegaskan kelemahan pengurusan bencana di seluruh negara perlu dijadikan iktibar dan diperbetul bersama-sama.

"Walaupun ada pihak kritik dia tidak boleh selesaikan masalah (banjir), dia menunjuk oh salah di tempat lain, salah negeri lain salah daerah lain.

"Bila tidak boleh bagi arahan, bukan nak perbetulkan (tetapi) salahkan. Kita (Selangor) ada masalah kita hadap," katanya ketika menyampaikan amanat tahun baharu pada 24 Januari.

Amirudin berkata Kerajaan Selangor menggerakkan bantuan kepada mangsa bah yang masih berterusan sehingga hari ini.

"Itu antara contoh manifestasi dan terbaharu ketika banjir, saya lihat kita pantas bergerak kerana sudah dilatih dengan perubahan," kata beliau.

"Sebab itu menjelang 21 Disember sampai sekarang, segala apa yang dirancang pascabanjir iaitu Bantuan Selangor Bangkit (BSB) berjalan dengan baik dan pantas," katanya.

Usaha keras penjawat awam dipuji

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar mempertahan kesungguhan penjawat awam yang bekerja keras membantu mangsa banjir sekalipun mereka tidak terlepas daripada kritikan.

Dato' Seri Amirudin Shari juga menyeru mereka supaya terus mengekalkan sikap profesional dan tahap integriti sepanjang memberi perkhidmatan kepada rakyat.

"Saya berterima kasih kepada pegawai daerah yang tidak tidur, menerima kritikan dan mendapat bantahan tetapi masih terus bekerja keras laksana perubahan," katanya ketika menyampaikan amanat tahun baharu pada 24 Januari.

Beliau menjelaskan mereka juga perlu menerapkan budaya kerja fleksibel dan tahan uji dalam setiap situasi dari peringkat atasan hingga bawahan.

"Kadang kala kita berada dalam keadaan tekanan dan terdesak, (namun) momentum harus dikekalkan serta bersedia untuk (kerja) fleksibel dan tahan uji.

"Ini ciri baru yang harus ditekankan di samping mempertahan integriti dan profesional serta bagaimana untuk melayan rakyat," kata Amirudin lagi.

Kakitangan azam tingkat prestasi

SHAH ALAM - Penjawat awam perlu bersedia menerima setiap perubahan bagi mengelakkan mereka ketinggalan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pencapaian sepanjang perkhidmatan dalam sektor awam menjadi sia-sia jika mereka gagal berbuat demikian.

"Kita berada dalam realiti dan dunia baharu, maka kita semua kena bersedia adaptasi (perubahan) kerana kalau tidak akan tertinggal.

"Apa yang dilaksanakan sebelum ini juga hanya dianggap sejarah dan tidak relevan kalau gagal terima perubahan," katanya ketika menyampaikan amanat tahun baharu di sini pada 24 Januari.

Penjawat awam Nor Fadilah Jamaludin, 37, mengakui perubahan penting dalam diri seorang kakitangan bagi meningkatkan prestasi kerja.

"Kalau tidak buat perubahan, mungkin kerja jadi lambat dan tidak teratur. Jadi, saya bersedia terima dan buat perubahan untuk kemajuan kerjaya masa hadapan," katanya.

Pembantu tadbir Fatin Nabihah Abd Wahid, 28, pula berazam mengadaptasi perubahan dan budaya kerja meskipun baharu sebulan berkhidmat dalam sektor awam.

"Sekarang apa-apa boleh berlaku. Mahu atau tidak, kita kena bersedia dari semua aspek dan sahut cabaran untuk terima perubahan akan datang," katanya.

Sultan Sharafuddin berkenan mengurniakan Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati kepada Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj di Balairung Seri, Istana Alam Shah, Klang pada 22 Januari. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

432 individu dikurnia darjah kebesaran

KLANG - Seramai 345 individu dikurnia pingat kebesaran sempena Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ke-75.

Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah mewakili Sultan Selangor bagi menyempurnakan istiadat pengurniaan kepada penerima tersebut pada 24 dan 25 Januari.

Untuk pengurniaan Ulang Tahun ke-76, Sultan Sharafuddin berkenan mengurniakan darjah dan bintang kebesaran kepada 87 penerima di Balairung Seri, Istana Alam Shah di sini pada 22 Januari.

Dalam upacara itu, Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj Tengku Shahruddin Shah Alhaj menerima menerima Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (D.K II).

Pengurniaan bagi 2020 tertangguh susulan Covid-19 dan bertujuan menghargai jasa serta sumbangan bakti yang dicurahkan individu berkenaan kepada masyarakat dan negeri.

Pada 10 Januari, seramai 354 individu menerima darjah kebesaran sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ke-74.

12 waris korban turut dapat sumbangan

49,932 terima bantuan RM1,000

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Seramai 49,932 keluarga terjejas banjir bulan lalu menerima bantuan Kerajaan Negeri berjumlah RM1,000 setakat 26 Januari.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sumbangan menerusi Bantuan Selangor Bangkit (BSB) itu melibatkan belanja RM49.932 juta selain agihan RM120,000 kepada 12 waris korban.

Berdasarkan infografik di Facebook, daerah Klang paling ramai menerima sumbangan membabitkan 12,728 isi rumah diikuti 12,734 penduduk Petaling dan 7,703 di Hulu Langat.

Turut menerima sumbangan sama di Sepang (6,232), Kuala Langat (6,778), Kuala Selangor (2,730), Gombak (893), Hulu Selangor (94) dan Sabak Bernam (40).

Pada masa ini, proses agihan sumbangan termasuk keluarga mangsa banjir yang tidak ke pusat pemindahan sementara giat disalur secara berperingkat.

Pada 21 Disember tahun lalu, Kerajaan Negeri menyediakan dana RM100 juta bagi permulaan program BSB susulan banjir di beberapa daerah pada 18 Disember.

Selain pemulihan prasarana, peruntukan itu meliputi bantuan RM10,000 kepada waris korban banjir dan RM1,000 kepada ketua isi rumah bagi membaik pulih semula kediaman.

Individu yang layak menerima bantuan melibatkan tiga kategori iaitu mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan sementara berwarta, swasta serta mereka yang kekal di rumah.

Yakin capai pelaburan RM8 bilion

SHAH ALAM - Selangor meletak nilai sasaran RM8 bilion pelaburan langsung asing pada tahun ini, sedikit rendah berbanding RM12 bilion pada tahun lalu.

EXCO Pelaburan dan Perdagangan Dato' Teng Chang Khim berkata sasaran itu berikutan keadaan tidak menentu wabak Covid-19 khususnya kemunculan varian Omicron.

Beliau menjelaskan situasi itu memberi kesan kepada promosi pelaburan di luar negara yang mungkin terpaksa dibatal ekoran penutupan pintu sempadan.

"Kita juga perlu berhati-hati untuk mengelakkan delegasi dijangkiti Covid-19 seperti berlaku sebelum ini.

"Jadi, kita letak sasaran lebih RM8 bilion dan kita akan berusaha untuk mencapainya di sebalik pelbagai kekangan," katanya pada 21 Januari.

Chang Khim berkata pihaknya menumpu lima kluster teras dalam menarik pelabur iaitu elektronik dan elektrikal, mesin dan peralatan, peralatan pengangkutan, makanan dan minuman serta sains hayat.

Justeru, beliau berkata pihaknya menjalankan promosi lebih kreatif antaranya penganjuran ekspo dalam talian.

"Kita juga akan teruskan Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) secara hibrid yang dapat sambutan pelabur pada tahun lalu," katanya.

70,000 mohon sumbangan banjir

GOMBAK - Kerajaan Negeri memiliki kemampuan kewangan untuk menyalur Bantuan Selangor Bangkit meskipun awalnya hanya menyasar 30,000 penerima.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata agihan bantuan kini tertumpu kepada mangsa banjir yang tidak berpindah ke pusat pemindahan sementara.

Beliau menjelaskan kira-kira 70,000 permohonan diterima bagi meringankan beban penduduk bagi membaik pulih rumah dan membeli barang keperluan.

"Kita juga dapati ada yang ambil kesempatan, jumlahnya kecil sahaja tetapi kita mahu elak perkara itu," katanya pada 23 Januari.

Badan khas urus bencana alam

SHAH ALAM - Jawatankuasa khas ditubuh dalam tempoh terdekat bagi mengurus perkara berkaitan perubahan iklim negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata badan itu diketuai EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian yang bertanggungjawab meramal dan merangka strategi berdepan bencana.

"YB Hee Loy Sian akan memanggil tokoh akademik dan badan bukan kerajaan alam sekitar untuk kita sedia mendepani sebarang kemungkinan," katanya pada 24 Januari.

Katanya, jawatankuasa tersebut juga akan meneliti kesan sampingan lain seperti harga makanan dan keselesaan hidup rakyat.

MB edar limau, angpau di Selayang

GOMBAK - Dato' Menteri Besar mengedar limau dan angpau kepada pengunjung pasar pagi Selayang di sini menjelang sambutan Tahun Baharu Cina.

Dato' Seri Amirudin Shari bersama isteri Datin Seri Masdiana Muhammad berbuat demikian sebaik tiba jam 8.30 pagi pada 23 Januari.

Beliau yang juga wakil rakyat Sungai Tua kemudian melawat premis sekitar Selayang Centre Point hingga ke Pasar Selayang Baru.

Sambutan Tahun Baharu Cina 2022 peringkat negeri berlangsung dalam talian berikutan penularan Covid-19 yang belum reda.

Program itu disiar menerusi Facebook Mandarin Dato' Menteri Besar @ami.mbselangor dan Facebook Dato' Teng Chang Khim pada jam 9 malam pada 1 Februari.

Acara berkenaan bakal diserikan persembahan selama sejam membabitkan seniman daripada tiga generasi antara 70-an hingga kini.

Bukti muafakat pelbagai kaum

GOMBAK - Kesungguhan dan semangat membantu ketika bencana banjir pada Disember tahun lalu membuktikan muafakat kukuh pelbagai kaum di negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata masyarakat berbilang kaum membantu meringankan beban mangsa yang terjejas dan kehilangan harta benda.

Beliau menegaskan muafakat itu amat diharapkan Kerajaan Negeri untuk membawa Selangor terus maju sekali gus nilai kesejahteraannya dirasai rakyat.

"Ketika banjir, saya dapati bantuan datang daripada pelbagai pihak. Orang India datang membantu bersihkan rumah, begitu juga Melayu dan Cina. Inilah semangat muafakat dan kekuatan kita," katanya di sini pada 23 Januari.

Amirudin menjelaskan Kerajaan Negeri giat menganjurkan pelbagai program kebudayaan bagi memupuk semangat kebersamaan masyarakat majmuk sejak 2008.

"Kita akan berusaha bersungguh-sungguh supaya masyarakat India, Melayu, Cina dapat duduk bersama," katanya lagi.

Sultan sukacita LZS bantu penduduk

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menzahirkan rasa sukacita dengan usaha dan inisiatif Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang menyalur bantuan kepada mangsa banjir.

LZS menyalur bantuan awal ke pusat pemindahan sementara (PPS) berupa 5,000 pek makanan bermasak, makanan kering dan barang keperluan harian seperti yang dititah Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Baginda menitahkan agensi Kerajaan Negeri itu menyegerakan bantuan kepada mangsa terjejas di setiap daerah sebaik dimaklumkan bencana terburuk dalam tempoh 20 tahun itu.

"Bantuan kewangan kecemasan sebanyak RM600 kepada mangsa banjir dalam kalangan asnaf dan bukan asnaf turut disalur.

"LSZ turut menyediakan platform portal, LZS Peduli untuk menyegerakan dan mempermudah proses permohonan bantuan," menurut Selangor Royal Office menerusi Facebook pada 24 Januari.

Sultan Selangor berharap bantuan LZS mengurangkan beban mangsa banjir dan berupaya membantu mereka bangkit kembali selepas dilanda musibah.

LZS mengeluarkan bantuan zakat kepada 47,413 penerima dalam kalangan mangsa bencana itu berjumlah RM37.17 juta sehingga 31 Disember tahun lalu.

Peruntuk RM4 juta untuk terkesan banjir

Bantuan sekolah selepas BSB selesai

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

GOMBAK - Bantuan persekolahan kepada pelajar kalangan keluarga mangsa banjir akan disalur sebaik sahaja pengagihan Bantuan Selangor Bangkit (BSB) selesai.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan RM4 juta untuk kira-kira 40,000 pelajar sedemikian.

"Selepas BSB sebanyak RM1,000, kita akan tumpu bantuan barangan sekolah," katanya pada 23 Januari. Beliau juga mempertimbang sumbangan untuk peniaga dan petani.

Terdahulu, beliau menyempurnakan Majlis Sumbangan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI di Surau Malabar Hidayatul Islam, Selayang di sini.

Pada program itu, Amirudin menyampaikan sumbangan RM50,000 kepada Sekolah Taman Permata yang mengalami kebakaran dan RM20,000 untuk Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Ummi Selangor serta bantuan bakul makanan.

Katanya, MBI sebelum ini memperuntuk RM1.7 juta menerusi program Kembali Ke Sekolah bagi membantu pelajar dari keluarga berpendapatan rendah.

"Bantuan ini diberi kepada 300 pelajar di Dewan Undangan Negeri terpilih dan telah selesai lebih seminggu lalu," katanya.

Amirudin turut meluangkan masa lebih sejam di Surau Al-Karimiah, Kampung Laksamana untuk menunaikan solat Asar dan beramah mesra bersama jemaah.

Bakul makanan buat mangsa bah

SHAH ALAM - Sebanyak 5,700 bakul makanan berisi produk industri kecil dan sederhana (IKS) bakal diagih kepada mangsa serta petugas banjir negeri ini.

EXCO pembangunan luar bandar dan kampung tradisi berkata sumbangan menerusi program #produkkampung4u itu dapat meringankan beban mangsa selain membantu pengusaha IKS menjana pendapatan.

Jelas Borhan Aman Shah, program melibatkan belanja RM500,000 itu sepatutnya diberi kepada golongan berpendapatan rendah (B40) yang terkesan pandemik Covid-19 tetapi diubah susulan bah besar pada Disember tahun lalu.

"Bakul ini berisi makanan antaranya kuah pecal dari pengusaha Sabak Bernam, mi sanggul dan ikan masin dari Kuala Selangor serta kopi Kuala Langat selain pelitup muka dan cecair pembasmi kuman.

"Fasa pertama ini, kita beri 3,700 kepada mangsa selebihnya untuk petugas sebagai tanda terima kasih. Fasa seterusnya diberi kepada keluarga terkesan Covid-19 seperti perancangan awal," katanya pada 20 Januari.

Terdahulu, beliau menyerahkan bakul makanan kepada wakil pejabat tanah dan daerah di Dewan Kompleks Perumahan EXCO Kerajaan Selangor di Seksyen 7 di sini.

Hujan lebat luar biasa antara 17 hingga 19 Disember lalu, lebih dua kali ganda taburan tertinggi sebelum ini iaitu kira-kira 180 milimeter mengakibat banyak lokasi di negeri ini ditenggelami air.

Susulan itu pada 21 Disember tahun lalu, Kerajaan Negeri mengumumkan dana RM100 juta bagi permulaan program Selangor Bangkit termasuk bantuan RM10,000 kepada keluarga mangsa terkorban dan RM1,000 untuk ketua isi rumah.

WAKTU SOLAT
27 JANUARI - 2 FEBRUARI 2022
24 - 30 JAMADILAKHIR 1443

	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Khamis	6:07	6:17	7:26	1:29	4:50	7:27	8:39	6:07	6:17	7:26	1:29	4:51	7:28	8:40	6:09	6:19	7:27	1:31	4:53	7:28	8:41
28 Jumaat	6:07	6:17	7:26	1:29	4:50	7:27	8:39	6:07	6:17	7:26	1:29	4:51	7:28	8:40	6:09	6:19	7:27	1:31	4:53	7:29	8:41
29 Sabtu	6:07	6:17	7:26	1:29	4:51	7:27	8:39	6:07	6:17	7:26	1:30	4:51	7:28	8:40	6:10	6:20	7:27	1:31	4:53	7:29	8:41
30 Ahad	6:07	6:17	7:27	1:29	4:51	7:27	8:39	6:07	6:17	7:26	1:30	4:51	7:28	8:40	6:10	6:20	7:27	1:32	4:53	7:29	8:41
31 Isnin	6:07	6:17	7:27	1:29	4:51	7:28	8:40	6:07	6:17	7:26	1:30	4:51	7:29	8:41	6:10	6:20	7:27	1:32	4:53	7:29	8:41
01 Selasa	6:08	6:18	7:27	1:30	4:51	7:28	8:40	6:08	6:18	7:26	1:30	4:51	7:29	8:41	6:10	6:20	7:28	1:32	4:53	7:30	8:41
02 Rabu	6:08	6:18	7:27	1:30	4:51	7:28	8:40	6:08	6:18	7:26	1:30	4:51	7:29	8:41	6:10	6:20	7:28	1:32	4:53	7:30	8:42

Tengku Amir Shah (kanan) berkenan menyerahkan dapur memasak kepada salah seorang mangsa banjir di Sungai Lui, Hulu Langat pada 19 Januari. Foto Facebook Selangor Royal Office

Fasa kedua pascabah lancar

Kerja bersih sisa banjir selesai Mac

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Fasa kedua pembersihan kawasan terjejas banjir berlangsung mengikut jadual kutipan, kata pengarah urusan KDEB Waste Management (KDEBWM).

Menjangka operasi sejak 8 Januari selesai sepenuhnya pada hujung Mac, Ramli Mohd Tahir berkata mereka fokus kerja pembersihan longkang sedalam 1.5 meter selain mengutip sampah pukal di sekitar Taman Sri Muda.

"KDEBWM komited mempertingkat usaha bagi memastikan tahap perkhidmatan terbaik diberikan kepada rakyat," katanya menerusi kenyataan pada 24 Januari.

Sejak 8 Januari, KDEBWM giat menjalankan pembersihan fasa dua dengan memfokus usaha pembasmian kuman selain kerja membersih parit tersumbat.

Ramli berkata sebanyak RM11 juta dibelanja sepanjang fasa pertama pembersihan di lapan pihak berkuasa tempatan (PBT) membabitkan Shah Alam, Hulu Langat, Subang Jaya, Klang, Kuala Langat, Sepang dan Kuala Selangor.

"Kos termasuk penyewaan jentera tambahan untuk digunakan di Taman Sri Muda, Taman Sri Nanding, Padang Jawa, Meru dan Kampung Bukit Lanchong," katanya.

KDEBWM adalah anak syarikat Kerajaan Negeri yang menguruskan sepenuhnya kutipan sampah domestik giat membersihkan kawasan terjejas banjir mulai 20 Disember secara berperingkat.

Sehingga 7 Januari, sebanyak 78,000 tan metrik sampah pukal dibersihkan iaitu 48,000 sampah dikutip oleh KDEBWM sementara 30,000 tan lagi dari agensi lain.

Pembaikan jalan siap sebulan lagi

SHAH ALAM - Kerja baik pulih jalan dan tebing sungai yang rosak sekitar Hulu Langat akibat banjir pada Disember tahun lalu siap sebulan lagi, kata EXCO infrastruktur.

Menurut Ir Izham Hashim, sebanyak 91 lokasi tanah runtuh dikenal pasti di seluruh negeri, 62 daripadanya serius dan perlu dibaik pulih segera.

"Insya-Allah, kerja-kerja baik pulih jalan dan tebing sungai sekitar Hulu Langat ini akan siap sepenuhnya dalam jangka masa sebulan lagi.

"Kerajaan Negeri akan sentiasa membantu rakyat yang terkesan bencana ini," katanya selepas meninjau kerja pembaikan cerun dan tanah runtuh di Genting Peras, Hulu Langat pada 20 Januari.

Beliau menambah Kerajaan Negeri menampung sekitar RM500 juta bagi membaik pulih kerosakan prasarana yang dibuat secara berfasa.

Pada 7 Januari, Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM40.88 juta untuk menjayakan projek pembersihan dan pemulihan prasarana terjejas banjir.

Projek itu kelolaan Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Kerja Raya.

Raja Muda sertai misi bantuan pascabah

SHAH ALAM - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor berkenan menyertai misi bantuan banjir bersama beberapa agensi di Sungai Lui, Hulu Langat pada 19 Januari.

Selangor Royal Office dalam kenyataan di Facebook memaklumkan Tengku Amir Shah turut berkenan melihat sendiri kesan kemusnahan di kawasan tersebut.

"Baginda melihat sendiri kesan kemusnahan pascabanjir serta menyantuni mangsa-mangsa banjir di kawasan berkenaan dan menyerahkan sumbangan," menurut kenyataan itu.

Program berkenaan dianjurkan Toyota Malaysia bersama Yayasan Raja Muda Selangor, Selangor Youth Community, Persatuan Bolasepak Selangor dan Selangor FC.

Pada 19 Disember 2021, Tengku Amir Shah berkenan melawat mangsa banjir sekitar Selangor dan menyerahkan bantuan kepada mereka yang terkesan.

Baginda juga membeli barang keperluan di Pasaraya Checkers, Shah Alam untuk diedar kepada penduduk sekitar Seksyen 16 dan Taman Meru Jaya, Klang.

Peserta Thaipusam bantu ibu bersalin

SHAH ALAM - Seorang ibu yang melahirkan bayi di dalam kereta berhampiran Kuil Sri Subramaniar, Batu Caves ketika Thaipusam berterima kasih kepada peserta perayaan tersebut.

Lidawati Zakaria, 39, menghargai budi baik Marie Puspan dan anaknya, Naroshini Annaselam yang menyambut kelahiran bayi perempuannya dalam kejadian baru-baru ini, lapor FMT.

"Saya terharu… ramai yang tolong. Saya terkejut sebab mereka sanggup tanggalkan kain walaupun ia untuk perayaan mereka. Lagi pun ada darah tapi mereka masih (tolong) tutup aurat saya," katanya yang masih menyimpan kain (vesthi) tersebut.

Pada 18 Januari, seorang wartawan akhbar Tamil membantu wanita bersalin di dalam kereta berhampiran kuil Batu Caves.

43 penjaja dapat alatan niaga

SHAH ALAM - Seramai 43 penjaja bawah Persatuan Peniaga Pasar Malam Bumiputera Shah Alam dan Klang yang terjejas bah bulan lalu menerima bantuan alatan niaga pada 25 Januari.

Bantuan meliputi kanopi, penunu dapur masak, balang air, lampu bulat, tong nasi dan mesin pengisar bagi menggantikan kelengkapan yang rosak, kata Pengerusinya Kamarul Nizam Razak.

Perkakas sumbangan Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) dan Dewan Perdagangan Malaysia China diserahkan di Wisma Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (Kohijrah) Berjaya Park di sini.

Mohon sumbangan pendidikan LZS

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) membuka permohonan Sumbangan Pendidikan Zakat Anak Selangor (SPZAS) kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) mulai 24 Januari.

Permohonan sumbangan pendidikan menerusi www.zakatselangor.com.my/spzas dibuka selama sebulan sehingga 20 Februari.

"Alhamdulillah, berita baik ini buat semua pelajar IPT dalam dan luar negara untuk memohon dana ini. Dana ini adalah secara sekali bayar bagi setiap peringkat pelajaran," menurut kenyataan LZS.

LZS menjelaskan sumbangan bawah peruntukan asnaf fisabilillah itu adalah RM700 bagi pelajar dalam negara dan RM2,500 untuk pelajar luar negara.

Antara syarat, beragama Islam, warganegara Malaysia, ketua keluarga/penjaga lahir di Selangor atau bermastautin dan menetap di negeri ini tidak kurang tiga tahun.

Tawar biasiswa tingkatan satu

SHAH ALAM - Permohonan kemasukan pelajar tingkatan satu 2022 bawah Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia-Yayasan Selangor (RKPYS) dibuka mulai 25 Januari.

Sebanyak 389 tempat disediakan meliputi 29 sekolah di Selangor dan Kuala Lumpur yang turut menawarkan kemudahan asrama, biasiswa dan kelas bimbingan.

Menurut kenyataan Yayasan Selangor, pelajar bakal mengikuti program kecemerlangan akademik, pembangunan kendiri dan pemantauan berterusan.

Permohonan boleh dibuat melalui www.yayasanselangor.org.my diikuti cetak borang dan hantar bersama dokumen ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar Yayasan Selangor sebelum atau pada 11 Februari.

Adu SELamat jika kewangan disekat

SHAH ALAM - Individu yang sumber kewangannya disekat atau berdepan paksaan pasangan untuk membayar hutang disaran menghubungi talian SELamat.

EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga Dr Siti Mariah Mahmud berkata penderaan ekonomi selalunya tidak disedari kerana tidak disakiti secara fizikal.

"Contoh keganasan ekonomi adalah aspek kewangan dikawal, disekat sumber kewangan untuk membeli keperluan penting, dipaksa untuk melakukan atau membayar hutang tanpa kerelaan.

"Selain perlu melaporkan setiap perbelanjaaan dan duit yang digunakan, debit atau kredit kad diambil oleh pasangan dan dikawal," katanya pada 22 Januari.

Mereka yang memerlukan bantuan boleh menghubungi talian SELamat di 03-6419 5027.

Rebut peluang imarah masjid

SHAH ALAM - Jemaah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini menyambut baik kebenaran menggunakan sepenuhnya ruang solat bermula 21 Januari.

Tinjauan mendapati kebenaran itu diguna sebaik mungkin jemaah yang memasuki masjid negeri dengan mematuhi tatacara operasi piawai (SOP).

Petugas masjid juga memantau bagi memastikan jemaah lengkap suntikan vaksin dan mendaftar MySejahtera.

Pekerja sektor gas dan minyak Roslan Khairudin, 50, berkata kebenaran itu peluang terbaik umat Islam untuk kembali menunaikan solat Jumaat.

"Mungkin ada yang tidak berkesempatan, jadi ini adalah masanya. Gunakan ruang masjid yang besar untuk kembali melakukan perkara yang wajib," katanya pada 21 Januari.

Pekerja bank Hairul Hakimi Ahmad, 36, berkata kebenaran tersebut titik pemulaan positif buat umat Islam mengerjakan ibadah secara berjemaah.

"Saya harap dalam tempoh tiga, empat minggu ini kita lihat perkembangannya jika tiada kes membabitkan jemaah adalah lebih baik kita rapatkan saf," katanya.

Bagi pelajar Noor Zulhaziq Noor Zulhilmi, 16, kebenaran itu secara tidak langsung dapat mengelaknya daripada terlepas menunaikan solat Jumaat.

"Alhamdulilah kebenaran ini memudahkan semua pihak dan harap ia akan terus kekal seperti ini," katanya.

Pada 18 Januari, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor berkenan membenarkan penggunaan sepenuhnya ruang solat dan ruang limpah masjid serta surau bagi menunaikan solat Jumaat.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj turut berkenan membenarkan penetapan jarak satu meter antara jemaah.

Air Selangor selenggara aset

Ganti 800km paip jamin bekalan air

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

SHAH ALAM - Sebanyak 1,562 kerja penyelenggaraan berjadual dijalankan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) sepanjang tahun lalu.

Langkah berkenaan bagi memastikan pengguna mendapat perkhidmatan terbaik selain bekalan air terawat bersih dan selamat.

"Kami membawakan keceriaan melalui pelbagai inisiatif pengoperasian bagi memastikan kelestarian air untuk generasi akan datang," menurut kenyataan.

Melalui perkongsian video, Air Selangor memaklumkan lebih 800 kilometer paip diganti sejak 2016 bagi memastikan kelestarian air pada masa hadapan.

Kadar air tidak berhasil (NRW) bagi Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mencecah 28.1 peratus setakat November manakala 28.6 peratus pada 2020.

Air Selangor turut menyasarkan NRW bagi ketiga-tiga kawasan turun kepada 27 peratus tahun depan.

Sebelum ini, EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim menyasarkan NRW negeri turun kepada 25 peratus menjelang 2025 melalui perancangan rapi termasuk penggantian pelbagai komponen.

60,000 ambil dos penggalak Selvax

SHAH ALAM - Hampir 60,000 individu menerima dos penggalak melalui program Vaksin Selangor (Selvax) Booster sejak dilancarkan Disember tahun lalu.

Ketua pegawai kewangan Selgate Healthcare Sdn Bhd menganggarkan ribuan individu menerima suntikan setiap hari membabitkan 17 Klinik Selcare termasuk di Kuala Lumpur.

Muhammad Azfizam Hamzah menjelaskan program itu mendapat sambutan baik ekoran proses pradaftar suntikan untuk bulan ini habis ditempah manakala slot Februari hampir penuh.

"Ramai yang mahukan vaksin jenis Sinovac. Beberapa Dewan Undangan Negeri turut melaksanakan program ini bagi memudahkan penduduk mendapatkan dos penggalak," katanya pada 19 Januari.

Program Selvax Booster bermula sejak 8 Disember 2021 memperuntuk 157,000 dos buat individu berusia 18 tahun ke atas yang lengkap suntikan vaksin.

Senarai klinik boleh didapati di laman sesawang selcareclinic.com/our-clinics/ atau melalui aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah).

Tebing runtuh dibaiki segera

SHAH ALAM - Kerja pengukuhan tebing yang runtuh di Jalan LP 1A/2 Lestari Perdana, Serdang dilaksana serta-merta oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

Timbalan pengarah Jabatan Korporatnya Azfarizal Abdul Rashid berkata punca runtuhan sedang dikenal pasti selain merangka pembaikan segera bagi mengelak insiden sama berulang.

"Tebing runtuh sepanjang 90 meter dengan ketinggian sembilan meter melibatkan parkir kereta dan sebahagian jalan. Lima kenderaan terkesan tetapi tiada kemalangan jiwa," katanya.

Pada 25 Januari, sebanyak lima kenderaan terjunam lima hingga enam meter dalam longkang besar di Lestari Perdana susulan runtuhan tebing akibat hujan lebat.

Susulan itu, sebanyak 17 premis komersial turut diarah menghentikan operasi sementara waktu selain tidak berada di lokasi runtuhan sehingga disahkan selamat.

Ahmad Azri (kanan) menyampaikan komputer riba kepada Ahmad dan Muhammad di Kampung Tengah Puchong, Subang Jaya pada 21 Januari. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Pasangan kembar terima komputer riba

SUBANG JAYA - Pasangan kembar Ahmad dan Muhammad Rosli menerima dua unit komputer riba sumbangan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI pada 21 Januari.

Mereka juga diberi kad modul pengenalan pelanggan (SIM) secara percuma beserta data internet tanpa had selama 12 bulan, kata ketua tanggungjawab sosial korporat MBI.

"MBI berharap sumbangan ini digunakan sebaik mungkin sama ada meneruskan pengajian pada masa depan atau buat kerja rekaan untuk menampung kehidupan," kata Ahmad Azri Zainal Nor.

Kedua-dua komputer riba pasangan kembar berusia 24 tahun rosak selepas rumah mereka di Kampung Tengah Puchong antara yang terjejas teruk dalam banjir pada 18 Disember tahun lalu.

Muhammad yang memiliki ijazah sarjana muda Sains Komputer bekerja sebagai ketua projek teknologi maklumat di sebuah syarikat di Cyberjaya.

Tumpu kebajikan pelbagai sektor

RM30 juta untuk CSR

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

GOMBAK - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dijangka menyediakan peruntukan RM30 juta bagi menjayakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pada tahun ini.

Ketua tanggungjawab sosial korporatnya berkata agihan pula dibuat mengikut kategori antaranya hal ehwal Islam, sekolah, badan bukan kerajaan, sukan, alam sekitar dan perayaan.

"Jumlahnya belum rasmi lagi. Namun, dijangka sama seperti tahun lalu sekitar RM30 juta untuk CSR," kata Ahmad Azri Zainal Nor di Surau Malabar Hidayatul Islam, Selayang di sini pada 23 Januari.

Pada program itu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan sumbangan RM50,000 kepada Sekolah Taman Permata yang mengalami kebakaran, RM20,000 kepada pertubuhan anak yatim di Kajang dan bantuan bakul makanan.

Tahun lalu, anak syarikat Kerajaan Negeri itu berbelanja RM28 juta bagi melaksanakan program kebajikan dan inisiatif memerangi Covid-19.

MBI turut mengagih RM2.8 juta bagi membantu mangsa banjir selain sumbangan kepada Tabung Ikhtiar Selangor Bangkit.

MBI beri bantuan sekolah

KUALA SELANGOR - Bantuan RM100 menerusi Program Kembali ke Sekolah anjuran Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI digunakan untuk membeli keperluan sekolah yang rosak akibat banjir.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Selangor Marjina Nagor Assan Gani, 16, berkata pakaian dan buku hilang berikutan rumahnya di Batu 6, Kampung Kuantan dinaiki air setinggi satu meter.

"Duit ini untuk beli barangan persekolahan pada Mac. Kotak pensel, buku tulis dan seragam semua tiada. Hanya tinggal baju sukan," katanya pada program bantuan wang persekolahan DUN Bukit Melawati pada 22 Januari.

Ibu pelajar tingkatan empat itu Nagoor Begum, 46, berkata bantuan berkenaan meringankan beban suaminya Nagor Assan Gani Me Mohd Ibrahim Rowter, 55, yang bekerja sebagai buruh.

Terdahulu, Ahli Dewan Negeri Bukit Melawati Juwairiya Zulkifli menyerahkan sumbangan daripada MBI kepada 300 pelajar kurang berkemampuan.

SIDANG PENGARANG

Penasihat
Lembaga Penasihat Editorial

Pengarang kumpulan:
Fathi Aris Omar
fathi@mediaselangor.com

KETUA JABATAN

Edisi Mandarin:
Seh Pei Sun
peisun@mediaselangor.com

Selangor Journal:
Ida Nadirah Ibrahim
ida@mediaselangor.com

Tamil Indru:
Pakiyanathan Anamaly
pakiyanathan@mediaselangor.com

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzharmaludin@mediaselangor.com

selangorkini

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Naeem Raffi
Faridzwan Abdul Ghafar

Penolong pengarang portal:
Afeeqa Afeera Abdul Rasol

Ketua wartawan:
Afix Redzuan

Jurufoto kanan:
Hafiz Othman

Artis grafik kanan:
Azwa Malek

Editorial: **info@mediaselangor.com**
Iklan: **sales@mediaselangor.com**
Pemasaran: **marketing@mediaselangor.com**

MediaSelangor

Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: **03-5523 4856** Fax: **03-5523 6856**

Kos seorang sekitar RM200

3,300 sertai program khatan

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Program khatan perdana anjuran Kerajaan Selangor bakal diadakan semasa cuti persekolahan awal Mac ini.

EXCO Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan Borhan Aman Shah berkata lebih 3,300 kanak-kanak dari 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) menyertai program itu melibatkan peruntukan RM500,000.

"Program dilancarkan di DUN Sungai Tua, Gombak dan berakhir di Tanjung Sepat, Kuala Langat. Kita akan lihat kesesuaian sama ada dibuat di setiap DUN atau daerah.

"Anak asnaf, fakir miskin atau anak yatim yang kehilangan ibu atau bapa akibat Covid-19 diutamakan. Ini sebagai bantuan meringankan beban mereka kerana kos berkhatan mencecah ratusan ringgit," katanya pada 21 Januari.

Terdahulu, beliau menyempurnakan majlis penyerahan bakul makanan #produkkampung4u kepada wakil pejabat tanah dan daerah di Dewan Kompleks Perumahan EXCO Kerajaan Selangor, Seksyen 7 di sini.

Pada September tahun lalu, Borhan mengumumkan inisiatif berkenaan bagi meringankan beban golongan kurang berkemampuan berikutan kos berkhatan agak tinggi antara RM150 hingga RM200 seorang.

300 penjaja kecil terjejas bah dibantu

SHAH ALAM - Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (Kohijrah) membantu hampir 300 penjaja kecil yang terjejas banjir sejak bulan lepas dengan anggaran perbelanjaan mencecah RM100,000.

Pengurus besarnya berkata bantuan peralatan niaga itu disalurkan hasil sumbangan agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan kelangsungan usahawan.

Jelas Mohd Syukri Ismail, bantuan seperti kanopi, penunu dapur masak, tungku dapur, balang air, tong nasi dan lampu bulat kepada peniaga terjejas diagih secara berfasa.

"Sebagai agensi bertindak menguruskan penyerahan bantuan, kita bangga kerana banyak pihak tampil menghulurkan sumbangan kepada peniaga yang hilang banyak harta benda termasuk peralatan niaga akibat bencana," katanya pada 25 Januari.

Terdahulu, beliau menyerahkan bantuan kepada 43 peniaga pasar malam sekitar Shah Alam dan Klang di Wisma Kohijrah Berjaya Park, Seksyen 32 dekat sini.

Mohd Syukri berkata pihaknya menjangka antara 300 penjaja kecil lagi dibantu mendapatkan bantuan sama sehingga akhir tahun ini.

"Kita memiliki Kohijrah Shop yang menyediakan keperluan niaga kepada usahawan. Malah, setakat hari ini kita terima banyak permintaan daripada NGO dan agensi yang mahu membantu."

Buka 10 lagi cawangan Kohijrah Mart

SHAH ALAM - Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (Kohijrah) Mart membuka 10 lagi cawangan bagi memasarkan produk usahawan.

Kawasan terlibat ialah Pandamaran, Telok Panglima Garang, Bukit Rimau, Seksyen 24, Hicom, Setia Alam, Sungai Nibong, Bandar Tun Razak, Cheras dan Gombak, kata pengurus besarnya.

Menurut Mohd Syukri Ismail, penubuhan cawangan dengan usahasama Lembaga Perumahan Hartanah Selangor sebagai tambahan kepada pusat pengumpulan sedia ada di Berjaya Park, Seksyen 32 dekat sini.

"Cawangan berkenaan dalam proses pembinaan. Insya-Allah semua akan mula beroperasi dalam tempoh satu atau dua bulan lagi kerana kita tidak mahu produk usahawan terkekang di Berjaya Park sahaja.

"Kalau boleh kita mahu lebarkan (pusat pengumpulan produk) di kawasan bandar dan luar bandar. Jadi, usahawan boleh meletakkan aset mereka tanpa sebarang caj atau sewaan," katanya pada 25 Januari.

Terdahulu beliau menghadiri program penyerahan bantuan alatan kepada 43 peniaga pasar malam sekitar Shah Alam dan Klang yang disampaikan EXCO Hal Ehwal Agama Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni.

Mohd Syukri menambah pihaknya melaksanakan pelbagai program bagi membantu memasarkan produk usahawan di Selangor dengan kerjasama agensi berkaitan.

Jelasnya, antara agensi terlibat ialah Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia dan Institut Koperasi Malaysia, yang menyediakan program khusus kepada usahawan.

"Kita tahu ramai dalam kalangan usahawan yang menghasilkan produk sendiri, namun tiada tempat untuk pasarkannya," katanya.

Kursus gunting rambut percuma

SHAH ALAM - Penduduk dan graduan menganggur ditawar menyertai program kursus gunting rambut secara percuma selama sebulan anjuran Pejabat Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Melawati.

Wakil rakyatnya Juwairiya Zulkifli berkata kursus itu membantu pelajar lebih mahir dalam bidang pemotongan rambut sekali gus berpeluang menjana pendapatan.

"Penyertaan dibuka sehingga 7 Februari dianjurkan secara bersama dengan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana).

"Peluang pekerjaan juga disediakan selepas tamat tempoh kursus," katanya.

Mereka yang berminat boleh mendaftar melalui wasap.my/60134938577/barber-PejabatAdun

Menerusi infografik, peserta diberikan seragam dan kelengkapan latihan. Selain penginapan dan pengangkutan turut disediakan dengan makan dan minum sepanjang latihan juga percuma.

Bangkit bangunkan semula negeri

Tahun 2022 dengan zodiak harimau air bakal menjanjikan pengalaman yang berbeza dengan tahun lepas. Sambutan kali ini tidaklah semeriah praCovid-19 tetapi rakyat boleh menarik nafas lega dalam persekitaran yang kini dianggap endemik dan dapat bersua muka dengan keluarga dan rakan-taulan yang tercinta.

Dengan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di Pusat dan Selvax oleh Kerajaan Negeri, kadar vaksinasi tinggi yang dicapai di Selangor diharap bakal memberi perlindungan yang secukupnya selagi rakyat mematuhi tatacara operasi piawai (SOP).

Harimau (虎) melambangkan keberanian, daya saing dan keyakinan diri serta dianggap raja rimba. Kerajaan Negeri turut mempunyai aspirasi yang serupa untuk belanjawan tahun ini. Ini diterjemahkan dalam penerokaan lebih berani dalam agenda digitalisasi dengan penubuhan Selangor Digital School serta peruntukan yang signifikan untuk e-sukan (RM1.2 juta) selain penerusan Geran Padanan Digital SIDEC yang telah memberi lonjakan yang banyak kepada komuniti usahawan digital.

Golongan perniagaan dan industri dijangka turut mendapat limpahan manfaat Belanjawan 2022 kelak hasil daripada peruntukan awalan RM5 juta untuk pembangunan Kompleks Perumahan Pekerja Selangor di atas 145 ekar tanah yang telah dikenalpasti di seluruh negeri bagi menepati Akta 446 yang mampu menjanjikan keselesaan yang lebih baik untuk para pekerja.

Iltizam yang sama dapat dirasai dengan sejumlah RM65 juta diperuntukkan untuk kesihatan awam dan RM27.5 juta untuk Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang telah ditambahbaik, serta RM1 juta untuk kehidupan berdikari (Independent Living Centre) yang mampu melegakan banyak pihak.

Marilah bersama-sama melipatgandakan kerja baik yang kita usahakan dan dengan penuh yakin membangunkan semula negeri dan negara yang terkesan dengan Covid-19 dan bencana banjir yang terbaharu.

Selamat Tahun Baharu Cina buat semua masyarakat Tionghua terutamanya buat komuniti Cina di Selangor. Semoga tahun ini dipenuhi dengan kebahagiaan, kekayaan dan kesihatan untuk semua.

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

Semoga tahun harimau membawa semangat baharu, kemajuan, kebahagiaan dan kesihatan yang baik untuk semua. Kita telah sebati dengan kesatuan dalam pelbagai budaya dan perayaan diraikan bersama-sama. Ia memupuk semangat perpaduan, toleransi beragama dan keharmonian antara kaum. Tidak lengkap kemajuan yang dicapai tanpa persepaduan kaum yang ada

DATO' HARIS KASIM
Setiausaha Kerajaan Negeri

Semoga perayaan kali ini mengukuhkan perpaduan dan mencetus semangat mengharungi ujian demi kejayaan, kesejahteraan dan kemakmuran Selangor. Semoga Tahun Baharu Cina ini akan terbit sinar harapan baharu, kesihatan yang lebih baik kepada semua dan kita melakar lebih banyak kejayaan di masa hadapan. Gong Xi Fa Cai, Xin Nian Kuai Le!

DATO' SALIM SOIB@HAMID
Penasihat Undang-Undang Negeri

Semoga anda dan keluarga diberikan kegembiraan dan semangat muhibah dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum. Semoga tahun baharu ini menyemarakkan lagi semangat sehati sejiwa meskipun kita berbeza agama, budaya dan bangsa. Xin Nian Kuai Le! Gong Xi Fa Cai! Selamat menyambut Tahun Baharu Cina

DR AHMAD FADZLI AHMAD TAJUDDIN
Pegawai Kewangan Negeri

Setelah dua tahun harungi Covid-19 dan banjir besar, saya harap tahun baharu kita akan berada dalam keadaan sihat dan dapat berusaha untuk membangun Selangor. Selamat Tahun Baharu Cina

DATO' TENG CHANG KHIM
EXCO Pelaburan, Perdagangan & Perindustrian dan Industri Kecil dan Sederhana

Semoga tahun baru ini melahirkan lebih ramai usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan maju. Selamat Tahun Baharu Cina 2022

RODZIAH ISMAIL
EXCO Perumahan & Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan

Selamat menyambut Tahun Baharu Cina 2022. Semoga kedatangan tahun harimau membawa sinar harapan baru untuk negara dan rakyat. Hindarilah segala bencana, sentiasa mencapai kemakmuran serta keharmonian kaum

NG SUEE LIM
Speaker Dewan Negeri Selangor

Semoga perayaan ini akan beri kekuatan kepada semua kaum Tionghua dan rakyat Selangor keseluruhannya. Bagi hadapi cabaran mendatang, semoga semua kaum dapat pastikan kestabilan politik dan kaum bagi memastikan agenda bergandingan bahu bersama sentiasa dalam diri

IR IZHAM HASHIM
EXCO Infrastruktur & Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian & Industri Asas Tani

Semoga tahun ini meningkatkan semangat dan memberi kekuatan baharu untuk memutuskan pandemik Covid-19 dan pulihkan ekonomi negara. Semoga Tahun Baharu Cina ini mengukuhkan perpaduan dan menjadi titik pengukuhan sesama kita

GANABATIRAU VERAMAN
EXCO Pembangunan Sosio Ekonomi, Kebajikan Masyarakat dan Pemberdayaan Pekerja

Mengambil semangat tahun harimau, kita semua mahukan yang terbaik buat diri, keluarga, masyarakat dan negara. Xin Nian Kuai Le! dan Gong Xi Fa Cai kepada semua rakyat berbangsa Tiong Hua

DATUK RIZAM ISMAIL
Ketua Pembangkang

Tahun Baharu Cina menjelang tiba. Mengikut zodiak Cina, Tahun 2022 merupakan tahun harimau. Semoga kita semua akan gagah dan berani seperti harimau dalam menghadapi segala cabaran yang mendatang

NG SZE HAN
EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru

Selamat Menyambut Tahun Baharu Cina 2022, Gong Xi Fa Cai. Semoga tahun baharu membangkitkan harapan baharu, membuka jalan-jalan kejayaan dan kemajuan. Walaupun berbeza bangsa, agama dan budaya, semoga kita hidup harmoni bersama

DR SITI MARIAH MAHMUD
EXCO Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga

Banyak yang kita lalui selama ini. Saya harap kita kekal tabah dan terus berganding bahu harungi ujian ini. Semoga Tahun Baharu Cina ini mengukuhkan perpaduan dan membawa kebaikan. Selamat Menyambut Tahun Baharu Cina. Xin Nian Kuai Le!

HEE LOY SIAN
EXCO Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli

Semoga anda dan keluarga yang disayangi dilimpahi kemakmuran, kesihatan yang baik, kegembiraan dan semangat muhibah antara rakyat Malaysia. Selamat Tahun Baharu Cina

MOHD KHAIRUDDIN OTHMAN
EXCO Pembangunan Generasi Muda, Sukan & Pembangunan Modal Insan

Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua rakan khususnya rakyat Selangor yang menyambutnya. Semoga perayaan kali ini memberi lebih banyak kemakmuran dan kebahagiaan kepada kita semua

BORHAN AMAN SHAH
EXCO Pembangunan Luar Bandar & Kebudayaan

Zahirkanlah sambutan tahun baharu ini dengan penuh keharmonian dan kebahagiaan. Eratkan persaudaraan dan kukuhkan silaturahim sesama kita. Jangan kita lupa mematuhi SOP sebagai langkah pencegahan Covid-19

MOHD ZAWAWI AHMAD MUGHNI
EXCO Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal

Melorek tuah harimau

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**
Foto **HAFIZ OTHMAN**

Pesara guru tekun melukis gabungan bentuk harimau dan jenis bunga yang sesuai bagi memastikan ia membawa makna.

Melukis di hamparan kertas merah, Lim Cheng Hock, 64, sedar kerja itu perlu teliti. Imaginasi mesti utuh. Barulah corak menarik terhasil.

Memang rumit. Terherot sedikit, lain jadinya. Jika tersilap, beliau perlu kembali kepada proses awal. Hanya setelah berpuas hati, barulah kertas itu dilipat beberapa kali sebelum dipotong menggunakan gunting atau pisau.

Peringkat itu memakan masa, bergantung kepada saiz kertas. Makin besar, makin panjang waktu ditagih. Ada kalanya tiga hingga empat jam sehari hanya untuk melakar satu corak.

Corak gabungan harimau dengan bunga teratai siap selepas empat hari Cheng Hock bertungkus-lumus pada Oktober tahun lalu lagi. Seni potongan kertas tradisional Cina atau jianzhi itu dijadikan hiasan rumah sempena Tahun Baharu Cina.

Mengikut kalendar kaum Cina berdasarkan 12 haiwan zodiak, Tahun Baharu Cina 2022 adalah giliran untuk simbol harimau dengan unsur air.

Setiap haiwan zodiak terbahagi kepada lima unsur iaitu emas, air, kayu, tanah dan api. Mengikut kepercayaan masyarakat itu, harimau air dianggap mempengaruhi perjalanan manusia tahun ini.

Bekas guru sekolah Cina itu mengabdikan diri di ruang khas rumahnya di Taman Bayu Perdana, Klang sejak 16 tahun lalu untuk menyiapkan jianzhi beberapa bulan sebelum perayaan.

Bagi tahun ini, beliau hanya menghasilkan kira-kira 70 rekaan berunsur harimau air, zodiak dalam kalendar Cina. Berbeza tahun-tahun sebelumnya, Cheng Hock menghasilkan hampir 300 rekaan.

Namun, faktor usia membataskan kudratnya. Namun, kesungguhannya bukan demi wang ringgit. Semata-mata kecintaan kepada tradisi yang dikatakan bermula sejak Dinasti Han, kira-kira 1,000 tahun lalu.

Simbol tuah

Jianzhi lazimnya ditampal di pintu atau tingkap rumah sebagai simbol tuah dan kebahagiaan. Ia juga dijadikan hadiah kepada keluarga dan rakan taulan.

"Kalau jual mungkin boleh mencecah sehingga RM1,000 setiap satu kerana dihasilkan secara tradisional. Yang banyak di pasaran banyak jenis bercetak dan murah.

"Saya hadiahkan sahaja dan kongsi tuah. Tetapi, penerimanya pun saya pilih. Hanya yang mereka benar-benar menghargainya sahaja," kata bekas guru yang bersara pada 2006.

Beliau juga ada menghadiahkan hiasan itu kepada rakannya yang menghidap penyakit kronik bagi memberi semangat untuk melawan kesakitan.

Malah, Cheng Hock menghasilkan jianzhi yang menggabungkan corak jururawat dan doktor, Jalur Gemilang selain diselitkan kata-kata semangat. Semua itu sebagai menghargai peranan petugas barisan hadapan ketika berdepan penularan Covid-19.

Namun, karya yang dihasilkan ketika perintah kawalan dikuat kuasa hanya tersimpan di rumah. Beliau berharap benar rekaannya itu digantung di premis Kementerian Kesihatan.

Mula mengenali seni itu sejak berusia 15 tahun, Cheng Hock ketika menginjak ke alam pekerjaan pada 1984 baharulah beliau mengembangkan bakatnya.

Pada tahun itu, beliau tertarik dengan keunikan pelbagai jenis jianzhi di sebuah premis ketika mengunjungi Taipei, ibu negeri Taiwan. Di situ, beliau bertemu seorang wanita yang pakar menghasilkan jianzhi. Beliau juga sempat berguru walau sekadar beberapa hari.

Sekembalinya ke tanah air, beliau berlatih sendirian hingga mahir. Pada masa sama, Cheng Hock cuba memupuk minat dalam kalangan anak muridnya supaya tradisi itu tidak pupus ditelan zaman.

Menjangkau usia 64 tahun, Cheng Hock yang berasal dari Kulim, Kedah belum mahu berhenti sebaliknya gigih menghasilkan jianzhi dan berusaha memupuk minat generasi muda.

Kuat lagi berani

Tahun Baharu Cina, atau Perayaan Musim Bunga, menandakan permulaan tahun baharu mengikut kalendar lunar Cina.

Bersilih ganti setiap tahun, simbolnya diwakili satu daripada 12 haiwan zodiak etnik ini. Tahun ini dikenali tahun harimau, atau lebih tepat harimau dengan unsur air, yang melambangkan kekuatan dan keberanian.

Disambut di seluruh negara, perayaan kedua terbesar selepas Aidilfitri ini, menurut riwayat orang tua-tua, bagi mengenang pertempuran menentang nian, makhluk menakutkan yang menyerang manusia dan memakan kanak-kanak. Penduduk menggunakan bunyi yang kuat untuk menghalau binatang itu.

Secara tradisi, sambutan ini memberi peluang petani berehat selepas bekerja keras selama setahun sebelum kembali bercucuk tanam dalam keadaan lebih segar.

Wartawan AFIX REDZUAN menyusun maklumat penting mengenai tradisi dan pantang larang sambutan Tahun Baharu Cina.

Tempoh sambutan

SEMINGGU SEBELUM
- bersihkan rumah
- membeli belah

SEHARI MENJELANG
- lekat bait dua rangkap di pintu atau dinding
- makan malam bersama keluarga
- beri angpau kepada kanak-kanak
- selalu tidur lewat

HARI PERTAMA
- bermain bunga api dan mercun
- persembah korban kepada moyang

HARI KEDUA HINGGA KETUJUH
- ziarah sanak saudara, rakan taulan
-

HARI KELAPAN
- kebanyakan orang kembali bekerja

HARI KE-15: PESTA TANGLUNG (CHAP GOH MEI)
- hari terakhir sambutan
- menghiasi dan menghidup tanglung merah
- bermain bunga api

Pantang larang

ELAK MAKAN UBAT
- tidak boleh bancuh jamu atau makan ubat pada hari pertama kerana dipercayai akan jatuh sakit selama setahun
- selepas masuk Tahun Baharu, orang yang sakit pecahkan periuk ubat agar tiada penyakit setahun mendatang

JANGAN SAPU ATAU BUANG SAMPAH
- lambang menyapu atau membuang tuah

ELAK SEBUT PERKATAAN TIDAK BAIK
- jangan sebut perkataan negatif, misalnya berkaitan mati, sakit, miskin atau hantu
- contoh, guna ungkapan "seseorang telah pergi" jika bercakap tentang topik kematian

JANGAN MAKAN BUBUR DAN DAGING KETIKA SARAPAN
- bubur dianggap sarapan orang miskin
- daging tidak diambil sebagai simbol hormat pada dewa, dijangka keluar ziarah dan ucapkan selamat Tahun Baharu

ELAK CUCI, GUNTING RAMBUT PADA HARI PERTAMA
- dalam Mandarin, ejaan rambut (fa) mempunyai sebutan dan simbol menjadi kaya (facai)
- jadi tidak baik "basuh keberuntungan"
- gunting rambut dianggap bawa malang kepada bapa saudara
- makin popular gunting atau menggaya rambut baharu sebelum Tahun Baharu

JANGAN BASUH PAKAIAN PADA HARI PERTAMA DAN KEDUA
- dua hari ini disambut sebagai hari lahir dewa air
- cuci pakaian dianggap tidak menghormati dewa air
- orang dahulu percaya air lambang kekayaan
- jadi, buang air basuhan ibarat mencurah kekayaan

DILARANG MENJAHIT (HARI PERTAMA HINGGA KELIMA)
- zaman dahulu, wanita tidak jahit walau sebiji butang dalam tempoh ini
- mereka bimbang tahun berikutnya akan menjadi "tahun yang susah" jika banyak jahitan

JANGAN GUNA GUNTING ATAU PISAU
- bilah gunting ibarat mulut lancang ketika bertengkar
- guna gunting pada hari pertama dianggap membangkitkan pergaduhan
- elak guna pisau untuk hindar kemalangan
- dianggap bawa perkara yang tidak menguntungkan masa depan

BERI WANG ANGPAU DALAM JUMLAH GENAP
- jangan beri dalam jumlah ganjil
- nombor genap dipercayai bawa tuah berganda
- elak nombor malang seperti 4 dan 40 kerana sebutan 4 berbunyi seperti kematian dalam bahasa Cina

JANGAN BERI HADIAH TERTENTU
- seperti jam yang bawa maksud nasib malang, gunting (putuskan hubungan), kasut (kejahatan), gubahan bunga (hadiah di hari pengebumian) atau lilin wangi (untuk ingatan si mati)

ELAK PECAHKAN PINGGAN, MANGKUK ATAU GELAS
- dianggap bawa nasib malang, kerugian kewangan atau perpecahan keluarga
- jika objek ini pecah tidak sengaja, kertas merah digunakan untuk balut serpihan dengan menyebut "sui sui ping'an" (maksud "sepanjang tahun selamat dan sejahtera")

ISTERI TIDAK DIBENARKAN KUNJUNGI RUMAH IBU BAPA SENDIRI PADA HARI PERTAMA
- dipercayai bawa malang kepada ibu bapa sehingga timbul masalah ekonomi
- selalunya, anak perempuan yang sudah berkahwin ziarah orang tua pada hari kedua

ELAK KANAK-KANAK MENANGIS
- tangisan kanak-kanak dipercayai bawa malang kepada keluarga

Hiasan

TANGLUNG MERAH
- sebagai hiasan, digantung di luar pintu sebagai lambang kebahagiaan dan mengusir nasib malang
- banyak digunakan semasa perayaan tanglung

MERCUN PAPAN
- dinyalakan di hadapan rumah dan kedai, tengah malam atau pagi tahun baharu
- lambang kegembiraan dan kemeriahan perayaan
- secara tradisi, dentumannya dipercayai dapat halau roh jahat

KERTAS MERAH BERLOREK
- reka bentuk dipotong di atas kertas merah
- corak ini lambang umur panjang, maruah, kekayaan dan kemakmuran
- biasanya dilekatkan pada tingkap
- rekaan atau imej yang bawa tuah seperti limau, ikan emas atau haiwan zodiak tahun itu

BAIT DUA RANGKAP DI ATAS KERTAS MERAH
- diletak pada pintu depan sebagai simbol nasib baik, kesihatan dan kemakmuran
- biasanya dilekat di dalam rumah seperti ruang tamu tetapi boleh ditemui di pintu masuk ke rumah dan premis perniagaan

PERKATAAN 'FUK' YANG DITERBALIKKAN
- tulisan 'fuk' membawa maksud nasib baik
- diterbalikkan agar tuah itu jatuh ke atas orangnya
- biasanya ditulis di atas kertas merah berbentuk seakan-akan berlian
- diletak di pintu masuk rumah dan perniagaan

SAMPUL MERAH (ANGPAU)
- berisi duit yang diberikan mereka yang sudah berkahwin kepada yang masih bujang atau kanak-kanak
- simbol tuah dan kejayaan
- dihias pada pokok limau sebagai lambang kekayaan bertambah

POKOK OREN, LIMAU MANDARIN ATAU KUMQUAT
- kumquat, dalam loghat Kantonis, berbunyi "emas" dan "tuah"
- diletak di rumah sebagai menyambut tuah dan kekayaan

BUNGA TAOHUA, PLUM DAN ANGGERIK
- taohua, plum (meihua), dan orkid
  - berkembang selepas musim sejuk, tanda musim bunga
- ranting atau tangkai bunga yang panjang lambang panjang umur

TIDAK LAWAT HOSPITAL
- kecuali dalam kes kecemasan, lawatan dalam tempoh ini dipercayai bawa penyakit kepada pelawat

ELAK BERHUTANG ATAU MEMBERI PINJAM WANG
- tidak boleh pinjam wang pada hari tahun baharu
- semua hutang perlu dibayar menjelang sambutan tahun baharu
- jangan pergi ke rumah peminjam untuk tuntut hutang, dikatakan akan bernasib malang sepanjang tahun

JANGAN PAKAI PAKAIAN ROSAK
- dikatakan membawa nasib malang

JANGAN PAKAI PUTIH ATAU HITAM
- secara tadisi, warna hitam atau putih dikaitkan dengan berkabung
- merah warna simbol tuah semasa Tahun Baharu Cina

ELAK PEMBUNUHAN
- dielakkan dari hari pertama hingga ke-15
- darah dianggap petanda buruk
- haiwan disediakan sebelum tahun baharu

Sumber
'16 things about Chinese New Year you want to know', portal China Highlights, 24 Januari 2022
'Chinese New Year taboos and superstitions', portal China Highlights, 24 Januari 2022
'Find out the symbolism behind these Chinese traditions and Chinese New Year decorations', portal Honey Combers, 12 Januari 2022

Jujur dan bahagia

Oleh **NADIAH ZAMLUS**
Foto **HAFIZ OTHMAN & REMY ARIFIN**

Penyepit atau 'chopstick' yang popular dalam kalangan masyarakat Cina seluruh dunia termasuk Malaysia sebenarnya melambangkan keteguhan dan kejujuran.

Tekstur penyepit simbol keteguhan manakala bentuknya yang lurus melambangkan kejujuran. Ia menjadi teras nilai kehidupan yang diterap kepada masyarakat berkenaan.

Tercipta sejak 3,000 tahun dahulu ketika pemerintahan Dinasti Shang, penyepit digunakan bagi mengelakkan tangan seseorang daripada menyentuh makanan panas.

Pada awalnya, mereka gunakan buluh, lebih kuat dan lebih tahan lama. Seiring perkembangan zaman, penyepit kemudian diperbuat menggunakan kayu, besi dan plastik.

Maharaja China zaman dahulu kala pula menggunakan penyepit yang diperbuat daripada emas dan gading gajah sebagai simbol kuasa dan kemegahan.

Pada masa ini, penggunaan penyepit telah berkembang ke pelusuk banyak negara antaranya Korea, Jepun, Vietnam, bahkan Amerika Latin.

"Sekarang kaum lain pun sudah biasa gunakan 'chopstick', malah ada yang lebih pandai daripada orang Cina," kata Presiden Pertubuhan Pemeliharaan Warisan Budaya Tang Ah Chai kepada Selangorkini pada 18 Januari.

Masyarakat Cina juga digalak menukar penyepit baharu dalam perayaan Tahun Baharu Cina, biasanya berwarna merah sebagai simbol memulakan hidup baharu. Pada masa sama, ia dikatakan mendatangkan kemewahan dan kehidupan lebih baik.

Menurut Ah Chai yang terlibat dalam usaha pemeliharaan budaya dan warisan selama lebih 30 tahun, penyepit juga dijadikan hadiah kepada tetamu majlis perkahwinan. Malah, sepasang penyepit diibarat pasangan pengantin.

"Bayangkan, dengan penyepit kita boleh pegang makanan panas, sejuk atau suam-suam. Ia sama seperti pengantin. Kita kena bersama-sama melalui kehidupan tidak kira saat panas, sejuk, masam manis ataupun pahit," katanya.

Pantang larang

Penyepit juga ada pantang larang tersendiri. Jika menikmati hidangan, misalnya, perbuatan mencucuk penyepit secara tegak di tengah-tengah mangkuk nasi amat ditegah. Penggunaan cara demikian hanya dibuat dalam upacara kematian sahaja.

Penyepit juga tidak boleh dipisah antara satu sama lain. Penggunaanya mesti tertib. Jika diletak di tepi atau dalam mangkuk, kedudukan mesti teratur. Tidak boleh bersepah-sepah. Pengguna yang tidak mematuhi perkara itu dianggap tidak sopan.

"Ia mesti diletak sepasang, jangan pisahkan satu sebelah kiri satu lagi sebelah kanan. Penggunaan tidak sama seperti sudu yang boleh diasing," tegas Ah Chai.

Jika tidak diamati, bentuknya kelihatan sama. Lurus dan panjang seumpama lidi bersaiz lebih besar. Namun, rekaan perkakasan itu sebenarnya berbeza antara negara, misalnya China, Jepun dan Korea.

Penyepit dari China biasanya berbentuk petak di bahagian pemegang manakala bawahnya berbentuk bulat. Bentuk itu diibarat seperti langit dan bumi.

Penyepitnya juga lebih besar, berat dan panjang berbanding negara lain. Ini memudahkan masyarakatnya menikmati hidangan ketika majlis makan besar.

Di Jepun, bentuk pemegangnya bulat dan muncungnya tajam. Bentuknya begitu kerana penduduk Negara Matahari Terbit lebih banyak memakan ikan. Muncung yang tajam memudahkan mereka mengambil isi ikan.

Berlainan bagi Korea, pemegang dan muncungnya leper dan rata. Tambah unik, semua penyepit di negara itu dihasilkan menggunakan keluli tahan karat. China dan Jepun berbeza, mereka menggunakan buluh atau kayu.

Tambah menarik, penyepit juga dihiasi ukiran motif tertentu. Paling popular motif ikan yang dianggap membawa simbol keuntungan dan kelebihan.

"Jika kita beri hadiah penyepit yang diukir bentuk ikan, maksudnya kita mendoakan seseorang itu dapat keuntungan dan kelebihan," kata Ah Chai lagi.

Selain itu, empat corak tumbuhan paling kerap diukir iaitu buluh, bunga teh, plum dan orkid.

Buah plum digambar sebagai sesuatu yang mampu berdepan pelbagai cabaran dalam kehidupan. Buluh pula bermaksud berpendirian lurus.

Gerakan

Digunakan berbilion penduduk dunia, cara memegang penyepit juga perlu kena gaya dan ada maksud tertentu. Cara betul ialah menggerakkan sebatang penyepit sahaja manakala satu lagi tidak digerakkan.

Pergerakan itu melambangkan gaya hidup yang harus dilakukan masyarakat iaitu ada waktunya kita pantas (menggerakkan penyepit) dan ada masanya perlahan (penyepit yang tidak digerakkan).

"Jika hidup kita ini selalu kena pantas seperti kita gerakkan dua-dua penyepit, sudah tentu kelam-kabut. Tetapi jika dua-dua penyepit tidak digerakkan, apapun tidak jadi, macam orang malas.

"Oleh sebab itu lebih elok jika satu bergerak dan satu lagi diam sahaja. Itulah cara hidup yang betul, kadang kala kita perlu pantas, kadang kala kena 'slow and steady' (perlahan dan tenang)," terangnya.

Kreativiti wayang boneka

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
Foto **AHMAD ZAKKI JILAN**

Wayang boneka sejenis persembahan kebudayaan masyarakat Cina yang terkenal suatu ketika dahulu terutama dalam majlis perkahwinan dan upacara agama.

Popular dalam kalangan etnik Teochew, pertunjukannya seakan-akan wayang kulit tetapi dimainkan di hadapan pentas. Wataknya terdiri daripada teraju utama iaitu lelaki, perempuan, individu berwatak garang dan pelawak.

Seramai empat orang menggerakkan setiap watak dengan memainkan beberapa suara mengikut karakter sambil dibantu beberapa pemuzik. Lazimnya suara watak wanita lebih nyaring dan bernada tinggi berbanding lelaki.

Setiap watak digerakkan mengikut jalan cerita sama ada berkaitan rakyat, dongeng, percintaan dan sejarah. Jika ceritanya berkaitan peperangan dan ada perlawanan pedang, pemain membawa watak dengan memegang senjata serta bergerak pantas seperti berperang.

Persembahan boneka diiringi muzik menggunakan peralatan tradisi antaranya gong, dram, seruling, gendang dan Yangqin. Menurut Pengarah Seni Boneka Teochew & Pentas Opera Goh Hooi Ling, penceritaan lebih jelas dan berkesan apabila dibantu latar belakang muzik.

"Tiada spesifik pemilihan penceritaan jika dimainkan pada sambutan Tahun Baharu Cina kerana setiap cerita disampaikan ada mesej tersendiri," katanya.

Beliau juga menjelaskan bahagian kepala watak sesebuah boneka diperbuat daripada tanah liat manakala tubuhnya daripada kayu. Pemakaian boneka pula dipadankan mengikut jalan cerita.

Seni boneka juga ada pantang larang tertentu. Semua pemain termasuk pemuzik perlu mematuhinya antaranya larangan makan daging kerana pemain dikhuatiri tidak boleh menyanyi.

Mengikut kepercayaan, pemain juga dilarang membawa makanan laut bercengkerang ke pentas bagi memastikan persembahan berjalan lancar.

Si Tanggang

Namun pada masa ini, Hooi Ling mengakui pengikut seni boneka kian berkurangan khususnya kalangan generasi muda. Beliau tidak menolak kemungkinan ia disebabkan pertunjukan tersebut kerap dimainkan dalam upacara agama.

Selain itu, persembahan boneka ada disuntik elemen baharu termasuk saduran kisah kaum lain, umpamanya Si Tanggang bagi menarik minat mereka. Boneka akan dipakai seperti orang Melayu termasuk baju kurung, kain sarung manakala lagu tradisi Melayu dimainkan, contohnya rasa sayang.

Menurut Pengarah Kreatif Pusat Kajian dan Dokumentasi Pementasan Tradisional Melayu (Pusaka) Pauline Fan, usaha memartabat seni tradisi bukan mudah kerana ia kian dilupakan masyarakat moden.

"Pengikutnya seni persembahan tradisi masih ada tetapi amat kurang. Oleh sebab itu, kita bawa pelbagai persembahan tradisi kepada masyarakat supaya ia dapat diangkat semula," katanya.

Terbaru, persembahan boneka Teochew dijayakan di pusat beli-belah Publika, Kuala Lumpur dengan membawa cerita sejarah Dinasti Yuan berjudul Hadiah Pedang Puteri Baihua.

Pauline juga menjelaskan seni persembahan tradisi tidak hanya tertumpu kepada sesebuah masyarakat sebaliknya disaksikan pelbagai kaum termasuk penonton negara luar antaranya Australia, Jepun dan Kanada.

"Walaupun mereka kurang faham kerana penggunaan bahasa tetapi masih berminat untuk menontonnya," kata Pauline.

Selain itu, Pusaka bercadang untuk membawa kira-kira 20 persembahan tradisi antaranya wayang kulit, makyong, dikir barat, kuda kepang, reog Ponorogo, boneka dan tarian Portugis Melaka.

"Untuk bulan depan, Pusaka membawa persembahan menora dari Kelantan dan reog Ponorogo berasal dari Johor kepada masyarakat di Publika, Kuala Lumpur," katanya.

BINCANG… **Pemimpin Pakatan Harapan (HARAPAN) yang diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim (kiri) bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Parlimen pada 20 Januari. Pertemuan itu membangkitkan soal Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti, rasuah serta langkah pascabanjir. Foto Facebook Anwar Ibrahim**

Hujan 380mm sehari umpama sebulan

PM: Bah luar upaya jentera negeri

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

SHAH ALAM - Perdana menteri mengakui kejadian banjir di Selangor bulan lalu melebihi kemampuan jentera tindak balas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).

"Kejadian banjir yang berlaku ini melebihi kemampuan jentera tindak balas JPBN Selangor. Selangor juga jarang berdepan dengan banjir besar luar biasa seperti kali ini," kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 20 Januari.

Berucap di mesyuarat khas Dewan Rakyat, beliau juga menjelaskan hujan mencurah-curah pada 18 Disember melebihi purata taburan hujan sebulan, selain fenomena air laut pasang besar.

"Banjir yang bermula pada 18 Disember berlaku akibat daripada jumlah purata taburan hujan luar biasa iaitu 380 milimeter pada hari tersebut yang menyamai jumlah purata taburan hujan bagi tempoh sebulan," katanya.

"Pada masa yang sama kejadian air pasang telah menyebabkan banjir ini bertambah lebih buruk.

"Berikutan keadaan banjir luar biasa yang tidak disangka ini, situasi kelam-kabut yang berlaku pada hari pertama mengakibatkan pasukan penyelamat menghadapi kesukaran untuk menjalankan operasi kerana berlakunya kerumitan banjir bandar."

Ismail Sabri juga mendakwa agensi penyelamat sukar mendapatkan kerjasama penduduk untuk berpindah segera kerana bimbang keselamatan harta benda, jangkitan Covid-19 dan jarak pusat pemindahan jauh dari rumah.

"Berikutan itu, apabila paras air naik secara mendadak, ramai penduduk terperangkap dan memerlukan pertolongan segera," katanya lagi.

Bot tersekat, PPS tenggelam

SHAH ALAM - Bot penyelamat sukar bergerak akibat tersangkut pada kenderaan yang tenggelam dalam banjir besar di Selangor hujung tahun lalu, jelas perdana menteri.

Berucap di mesyuarat khas Dewan Rakyat pada 20 Januari, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata sekolah dan kemudahan yang diwarta sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) turut ditenggelami banjir.

Tambahnya, kenderaan yang tersekat di jalan utama menghalang kenderaan pasukan penyelamat memasuki kawasan perumahan sehingga "aset-aset menyelamat terpaksa dipikul ke kawasan" banjir.

"Kelewatan kerja-kerja menyelamat juga adalah disebabkan alamat rumah yang diberikan oleh pemanggil tidak dapat dikenal pasti kerana sudah ditenggelami air," katanya.

Ismail Sabri juga mendakwa agensi penyelamat sukar mendapatkan kerjasama penduduk untuk berpindah dengan segera kerana bimbang keselamatan harta benda, jangkitan Covid-19 dan jarak pusat pemindahan jauh dari rumah.

Selain tidak arif kawasan yang dilimpahi air besar, kata Ismail Sabri lagi, kemudahan PPS juga dinaiki air.

"Justeru, PPS ad hoc (tanpa perancangan) diwujudkan seperti di surau dan masjid, malahan khemah sementara juga didirikan dengan kadar segera bagi menempatkan mangsa-mangsa banjir yang diselamatkan," katanya.

"Ketiadaan bekalan elektrik dan infrastruktur komunikasi yang terputus akibat banjir, menyebabkan penduduk tidak dapat menghubungi agensi penyelamat untuk bantuan.

"Inilah antara cabaran yang dihadapi oleh pasukan penyelamat dan petugas di lapangan dalam operasi bencana yang luar biasa ini."

Tambah nilai bantuan mangsa

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi saranan supaya kerajaan persekutuan menambah nilai bantuan kepada mangsa banjir bagi mengelakkan pengeluaran dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Ketua pembangkang dalam mesyuarat khas Parlimen di Dewan Rakyat pada 20 Januari menegaskan penduduk dalam terdesak kerana mereka menanggung kerugian besar akibat bencana itu.

Namun, Anwar yang juga presiden Parti Keadilan Rakyat menegaskan beliau sama sekali tidak menyokong idea yang boleh menjejaskan masa depan rakyat termasuk penggunaan dana KWSP.

Pada 4 Januari, beliau yang juga ahli parlimen Port Dickson mencadangkan jumlah bantuan antara RM5,000 hingga RM10,000 diberi kepada mangsa banjir pada kadar segera.

Henti pembalakan di lokasi berisiko

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa kerajaan persekutuan supaya segera menghenti pemberian konsesi pembalakan di lokasi berisiko banjir.

"Saya cadangkan hentikan semua termasuk yang diluluskan sehingga dikenal pasti punca kecuali ada kajian mengatakan pembalakan di kawasan itu selamat.

"Jangan beri kelulusan baru kepada pembalakan tanpa mengira darjat, pengaruh politik," kata ketua pembangkang itu dalam mesyuarat khas Parlimen pada 20 Januari.

Beliau juga menggesa kerajaan bertindak tegas terhadap syarikat pembalakan yang mengakibatkan banjir termasuk mendesak mereka membayar ganti rugi kepada mangsa.

Sedia hadapi bencana masa hadapan

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar mengingatkan penjawat awam supaya meningkatkan lagi tahap persediaan dan bergerak lebih pantas berikutan bencana termasuk banjir mungkin berulang.

Dato' Seri Amirudin Shari mahu memastikan setiap jentera dan agensi Kerajaan Negeri pantas dalam menjayakan semua inisiatif yang disediakan untuk rakyat.

"Suasana akan datang mungkin lebih kerap. Silap-silap tiga tahun lagi boleh berlaku (bencana) kerana ini yang sedang kita hadapi," katanya ketika menyampaikan amanat tahun baharu pada 24 Januari.

"Itu antara contoh manifestasi dan terbaharu ketika banjir, saya lihat kita pantas bergerak kerana sudah dilatih dengan perubahan," kata beliau.

Didik masyarakat depani musibah

SHAH ALAM - Banjir besar pada 18 Disember tahun lalu harus dijadikan iktibar untuk mewujudkan sistem amaran lebih cekap selain kesedaran masyarakat berdepan bencana.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Bandar Baru Klang berkata tindakan menyalahkan pihak tertentu tidak wajar kerana banjir tersebut di luar jangka dan melebihi kemampuan pengurusan bencana Selangor.

Menurut Dato' Teng Chang Khim, fokus harus diberi untuk mengatasi masalah seperti ketiadaan sistem amaran yang mampu memberi maklumat dengan pantas supaya mangsa dapat bertindak.

"Ramalan cuaca harus memberitahu kemungkinan keadaan dan kerosakan supaya kod amaran nengikut warna dapat dikeluarkan untuk penduduk berpindah dengan segera, bukannya bila banjir sudah melanda," katanya pada 21 Januari.

RM125 juta selaras bantuan

SHAH ALAM - Sebanyak RM125 juta disalur kerajaan persekutuan kepada semua negeri terlibat banjir bagi menyelaras pemberian Bantuan Tunai Wang Ihsan (BWI) RM1,000 dan BWI untuk kematian.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz menjelaskan sejumlah RM75,000 diagih kepada 75,000 keluarga antara 27 Disember 2021 dan 20 Januari.

Beliau berkata sebanyak 45,000 isi rumah yang terjejas banjir juga diberi pengecualian bayaran bil elektrik bagi Disember 2021.

"… baucar diskaun pembelian peralatan elektrik bernilai RM500 ia telah memanfaatkan kira-kira 5,100 ketua isi rumah dengan nilai keseluruhan baucar digunakan berjumlah hampir RM2.5 juta," katanya pada 20 Januari.

Tengku Zafrul berkata 439 ketua isi rumah layak menerima bantuan tunai Pembaikan Kecil Rumah sehingga RM5,000.

RM300 bilion jaya pelan 50 tahun

KUALA LUMPUR - Lebih RM300 billion diperlukan bagi cadangan penyelesaian jangka masa panjang fenomena banjir di seluruh negara selama 50 tahun sehingga 2100.

Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata ini termasuk projek pembangunan infrastruktur air seperti tebatan banjir, pembinaan benteng, ban dan pencegahan hakisan pantai.

Beliau berkata Kementerian Alam Sekitar dan Air mencadangkan penubuhan sebuah tabung khas atau kumpulan wang amanah untuk peningkatan keupayaan sektor air dan kawasan pesisir melalui pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur yang mengambil kira faktor perubahan iklim. – BERNAMA

Persiap aset hadapi bencana

SHAH ALAM - Ahli-ahli parlimen Pakatan Harapan (HARAPAN) menggesa kerajaan membuat persiapan rapi bagi menghadapi sebarang bencana banjir besar pada masa depan termasuk menyediakan aset mencukupi.

Dalam sesi perbahasan mesyuarat khas Dewan Rakyat pada 20 Januari, ahli parlimen HARAPAN mahu kerajaan persekutuan mengambil serius soal fenomena perubahan iklim di negara ini.

Ahli Parlimen Kota Raja Mohamad Sabu yang kawasannya turut terjejas akibat banjir menggesa kerajaan memfokus usaha membaik pulih prasarana di Lembah Klang.

"Proses membaik pulih banjir di Lembah Klang perlu difokuskan kerana kawasan itu pusat ekonomi Malaysia," katanya.

Ahli Parlimen Bagan Lim Guan Eng pula menggesa proses pemberian kuasa dibuat dengan meletakkan Nadma bawah Kerajaan Negeri bagi memudahkan pengurusan bencana.

"Desentralisasi ini adalah dalam usaha pencegahan banjir, bantuan bencana, usaha menyelamat dan pengurusan pemulihan," kata bekas menteri kewangan.

Ahli Parlimen Permatang Pauh Nurul Izzah Anwar pula menyarankan perbincangan setiap enam bulan dibuat jawatankuasa khas yang menyelaras dan mengukur keberkesanan kementerian, negeri dan agensi pengurusan bencana.

"Perjumpaan ini mampu memberi hasil kepada Malaysia agar kalis bencana dan cabaran masa depan," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Puchong Gobind Singh Deo menggesa kerajaan memberi lebih perhatian kepada soal perubahan cuaca.

"Kita semua sebut hujan berlaku luar biasa tetapi kita harus tahu ini adalah fenomena cuaca baharu yang kita akan lihat lebih lagi pada hari-hari mendatang," katanya.

Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin mahu kerajaan berterus-terang sama ada aset negara mencukupi untuk berdepan bencana berskala besar.

"Senaraikan aset-aset ini dan jika perlu Kementerian Kewangan peruntuk dana besar untuk selesaikan masalah ini demi keselamatan," kata beliau.

Perancangan beberapa bulan sebelum tragedi

Sedia awal walau tidak ramal bah

Oleh **AFEEQA AFEERA**

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menyediakan pelan perancangan banjir beberapa bulan sebelum bencana pada Disember walau tiada ramalan ancaman hujan luar biasa.

"Jika berdasarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Selangor tidak diramalkan mengalami bencana besar. Pun begitu, Kerajaan Negeri tetap buat persiapan bencana hujung tahun seperti biasa," kata Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Melawati Juwairiya Zulkifli.

Menjawab dakwaan perdana menteri di Twitter, beliau yang juga setiausaha politik Dato' Menteri Besar menjelaskan perancangan awal dibuat sejak September dan Oktober.

Difahamkan, mesyuarat pertama pengurusan bencana peringkat negeri dibuat pada 6 September diikuti latihan simulasi menghadapi Monsun Timur Laut pada keesokannya.

Mesyuarat penyelarasan Monsun Timur Laut dan fenomena air laut pasang besar diadakan pada 22 Oktober, sementara kenyataan Unit Pengurusan Bencana Negeri dikeluarkan pada 17 November.

Bagaimanapun persiapan yang dibuat hanya pada tahap biasa, jelas Juwairiya ketika menjawab ucapan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di mesyuarat khas Dewan Rakyat pada 20 Januari.

"Tahap kesiapsiagaan negeri pada waktu tempoh bencana tahap biasa dari aspek bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk pemindahan 5,000 mangsa dengan (bekalan makanan dan kelengkapan asas) dalam tempoh 10 hari sahaja.

"Namun, bencana besar pada Disember lalu menyaksikan lebih 70,000 rakyat Selangor terjejas dalam tempoh yang singkat," katanya lagi.

Beliau juga memuatkan tangkap layar ramalan MetMalaysia pada 17 Disember yang tidak membayangkan ancaman hujan tetapi hanya dikeluarkan pada jam 2 petang 18 Disember.

Jangan politikkan isu banjir

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri (ADN) Subang Jaya menggesa perdana menteri supaya tidak mempolitikkan isu banjir besar yang melanda Selangor hujung tahun lalu.

Dalam kenyataan di Twitter pada 20 Januari, Michelle Ng Mei Sze berkata Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) juga didapati tidak mengeluarkan amaran awal bah di negeri ini.

"Pada jam 3.45 petang, Selangor diramal hujan dalam kategori kuning (waspada) – daerah-daerah yang teruk terjejas Petaling, Klang, Hulu Langat tidak disebut.

"Ramalan jam 11.50 malam – tiada hujan," katanya, merujuk ramalan hujan MetMalaysia di media sosial pada 17 Disember.

"Pada 18 Disember, ramai yang terkandas. Tetapi ramalan pada 12 tengah hari, perhatikan Selangor masih disenarai dalam kategori kuning – waspada, bukan buruk."

Walau tiada amaran hujan luar jangka daripada MetMalaysia, kata Michelle lagi, pentadbiran Selangor mula menggerakkan usaha membantu dan menyelamat mangsa banjir.

"Wakil-wakil rakyat sudah bergerak di kawasan-kawasan banjir. "Hanya pada jam 2 petang (18 Disember), Selangor tiba-tiba diramalkan dalam keadaan bahaya (kategori merah)," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang menyebut ada kelemahan di peringkat negeri dan daerah Selangor sehingga memaksanya campur tangan.

"Sikap Ismail Sabri mempolitikkan bencana ini berunsur tidak bertanggungjawab. Apakah ini tujuan mesyuarat khas Parlimen? Tolonglah, jadilah seorang negarawan," kata ADN itu lagi.

"Jelaslah Kementerian Alam Sekitar dan Air khususnya MetMalaysia perlu diperkasakan agar dapat memberi ramalan yang lebih tepat, jadi semua agensi berkaitan dapat bersiap sedia. Apa rancangan perdana menteri?"

Datuk Bandar Shah Alam Dato' Zamani Ahmad Mansor menyerahkan periuk serba guna kepada mangsa banjir di Kampung Lanchong Jaya, Shah Alam pada 23 Januari. Foto MBSA

Wakil rakyat giat agih bantuan

Ribuan terjejas terima RM1,000

Oleh **MUSTAKIM RAMLI & SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Wakil rakyat giat menyalur Bantuan Selangor Bangkit (BSB) secara berperingkat kepada ribuan keluarga mangsa banjir termasuk mereka yang tidak ke pusat pemindahan sementara (PPS).

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kota Kemuning V Ganabatirau berkata seramai 2,000 isi rumah di Taman Sri Muda di sini antara penerima fasa keempat pemberian di Dewan Undangan Negeri (DUN) itu.

"Mangsa banjir turut menerima bantuan wang ihsan RM1,000 daripada kerajaan persekutuan.

"Selain itu pihak kami berharap kerajaan persekutuan dapat menyegerakan bantuan barang keperluan harian (BKH) bernilai RM2,500 kerana masih terdapat ramai yang belum menerimanya," kata wakil rakyat itu.

ADN Bukit Melawati Juwairiya Zulkifli berkata seramai 2,058 mangsa banjir menerima bantuan sama dengan semua penerimanya tinggal di pusat pemindahan sementara (PPS).

"Untuk bantuan mereka yang tidak pindah ke PPS dan kekal di rumah pula, kita tengah selaraskannya kerana terdapat permohonan bertindih.

"Jadi untuk keadilan semua, kita perlukan masa untuk menyemak. Apabila proses ini selesai, bantuan akan terus diberi," katanya pada 22 Januari.

Sementara itu, seramai 900 keluarga di DUN Meru menerima sumbangan sama menerusi fasa kedua BSB pada 19 Januari.

Wakil rakyatnya Mohd Fakhrulrazi Mohd Mokhtar turut menasihatkan mangsa banjir yang masih belum membuat permohonan melakukannya dengan segera sebelum 31 Januari.

Pada hari sama, seramai 384 keluarga di Mukim Ujong Permatang dan Mukim Tanjong Karang turut menerima bantuan berkenaan.

Wakil rakyat Permatang Rozana Zainal Abidin berkata agihan di DUN beliau telah memasuki fasa ketiga dengan melibatkan mangsa kekal di rumah dalam insiden pertengahan Disember lalu.

Pada 21 Disember tahun lalu, Kerajaan Negeri mengumumkan bantuan RM10,000 kepada waris korban banjir dan RM1,000 kepada ketua isi rumah bagi membaik pulih semula kediaman.

Individu yang layak menerima bantuan melibatkan tiga kategori iaitu mangsa yang berpindah ke PPS berwarta, swasta serta mereka yang kekal di rumah.

Bantuan diagih mulai 28 Disember lalu dan dijangka selesai hujung bulan ini.

Papan tanda salah ejaan jawi diganti

SHAH ALAM - Papan tanda nama di Jalan Dana Permai, Semenyih yang mempunyai kesalahan tulisan jawi diganti pada 21 Januari.

Menurut Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), penukaran papan tanda baharu mengikut spesifikasi dibuat dalam tempoh 24 jam selepas kesilapan itu tular baru-baru ini.

Kenyataan MPKj menyebut pemasangan papan tanda terdahulu dibuat pemaju mengikut kelulusan pelan prasarana pada 4 Oktober 2017.

"Namun, terdapat kesilapan dilakukan pembekal papan tanda nama tersebut di mana tulisan jawi tidak mengikut pelan kelulusan sebenar," kata MPKj.

PBT itu menambah penyelenggaraan kemudahan di kawasan tersebut belum diserahkan kepada pihaknya, sebaliknya masih bawah tanggungjawab pemaju.

"Perlu ditegaskan bahawa semua pihak perlu memastikan keseluruhan pembinaan di tapak mengikut kelulusan pelan infrastruktur telah diluluskan," menurut kenyataan lagi.

Beri 1,500 mangsa periuk serba guna

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyumbang 1,525 periuk serba guna kepada mangsa banjir pada 23 Januari.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya pada 23 Januari berkata inisiatif itu bagi meringankan beban mangsa yang kehilangan harta benda akibat bah besar pada Disember tahun lalu.

Jelas Shahrin Ahmad, bantuan melibatkan 635 mangsa di Taman Sri Muda, Padang Jawa (400), Kampung Lanchong Jaya (240) dan Kampung Kebun Bunga Batu 3 (250).

Kawasan kendalian MBSA antara lokasi utama negeri ini mengalami kerosakan teruk selain daerah Hulu Langat dan Subang Jaya.

Ratusan premis gagal dapat lesen

SHAH ALAM - Mengubah suai premis tanpa kebenaran antara punca permohonan lesen perniagaan ditolak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) sepanjang tahun lalu.

Premis terlibat antaranya pusat urut tradisional, perindustrian, kedai makan dan kedai gunting rambut, kata Pegawai Perhubungan Awamnya Kamarul Izlan Sulaiman.

"Mereka juga dikesan membuat permohonan perniagaan lain tetapi ketika beroperasi perniagaan jenis lain pula," katanya pada 19 Januari.

Beliau menambah pihaknya mengeluarkan 300 notis amaran dan surat pemakluman lesen ditolak selain 135 kompaun kerana berniaga tanpa lesen serta lesen tamat tempoh.

Kamarul Izlan turut memberi amaran mengambil tindakan tegas dengan menyita premis berkenaan jika masih gagal mematuhi arahan ditetapkan.

Alat bantu mengajar untuk anak OKU

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) menyerahkan alat bantuan mengajar dan fisioterapi kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kuala Kubu Bharu pada 24 Januari.

Pihak berkuasa tempatan itu berkata lapan PDK lain di daerah itu turut menerima alatan sama menerusi Program Anugerah Khas orang kelainan upaya (OKU).

"Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada kanak-kanak istimewa menjalani kehidupan seperti orang biasa selain memberi pengalaman dan ilmu baharu kepada mereka.

"Selain itu, ia turut memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap hak dan tanggungjawab ke atas komuniti yang memerlukan perhatian dan bantuan yang sewajarnya," katanya.

3,000 kad SIM untuk mahasiswa

Dapat data internet percuma

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

PETALING JAYA - Sebanyak 3,000 kad modul pengenalan pelanggan (SIM) akan diagih kepada mahasiswa di negeri ini dalam masa terdekat.

Ketua tanggungjawab sosial korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata penerima bakal menikmati langganan percuma selama setahun melalui inisiatif Data Internet Selangor.

Jelas Ahmad Azri Zainal Nor, pemberian diutamakan kepada pelajar Universiti Selangor (Unisel) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis).

"Kita akan jalin kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pendidikan bagi memudahkan proses agihan," katanya pada 23 Januari.

Ahmad Azri berkata pihaknya juga mempertimbang pemberian kad SIM kepada lebih ramai pelajar susulan bah besar pada Disember tahun lalu.

"Setakat ini, seramai 9,000 pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) sudah terima kad SIM. Jumlah ini lebih 2,000 daripada peruntukan awal kerana kita lihat manfaat besar kepada golongan pelajar," katanya.

Pada 4 Ogos tahun lalu, Dato' Menteri Besar memaklumkan seramai 70,000 penduduk bakal menerima kad SIM lengkap data internet percuma selama 12 bulan.

Selain pelajar PTRS, Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif itu menyasar peminjam Yayasan Selangor, mahasiswa Unisel dan Kuis.

Turut menerima manfaat, pelajar Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor, peniaga dalam talian bawah e-Bazar Selangor, petani dan ibu tunggal.

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada petender - petender yang berdaftar dengan **UPEN** Dan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam bidang perkhidmatan di bawah bidang atau sub bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa dibenarkan menyertai tender berikut:-

No. Tender	Tajuk Projek	Kod Bidang	Tarikh & Tempat Dokumen Mula Dijual	Taklimat Kerja Diwajibkan	Harga Dokumen
TENDER/ PTGS/ 01/2022	**TENDER PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BERSENJATA DAN TIDAK BERSENJATA BAGI TEMPOH DUA PULUH EMPAT (24) BULAN DI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR DAN DI TAPAK SEMENTARA SIMPANAN JENTERA BERAT DI SEKSYEN 7 SHAH ALAM**	**Kod Bidang: 220402 DAN 220801** Syarikat memiliki Sijil Lesen (Borang B) Untuk Menjalankan Urusan Persendirian yang masih sah dan berkuat kuasa dari Kementerian Dalam Negeri (KDN); dan Berdaftar dengan Sistem Tender Online Selangor 2.0 (Sijil UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa	**27 Januari 2022 (Khamis) dokumen meja tawaran mula dipamerkan dan** boleh dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0 **3 Februari 2022 (Khamis) dokumen tender akan dijual** dan dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0	**Tarikh/ Hari : 3 Februari 2022/ Khamis** **Masa :10.00 pagi** **Melalui video conferencing (VC) - Sila berdaftar melalui link: https://bit.ly/ taklimat-ptgs atau http://tiny.cc/ taklimat-ptgs** NOTA: Hanya PENAMA di dalam Sijil Pendaftaran Akuan Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia yang boleh menyertai Sesi Taklimat Tender	RM 50.00 Pembayaran melalui Sistem Tender Online Selangor 2.0 Sahaja

1. Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai **27 Januari 2022 (Khamis)** pada waktu pejabat dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0.
2. Dokumen Tender akan dijual dari **3 Februari 2022 (Khamis) hingga 23 Februari 2022** (Rabu) sebelum 12.00 tengahari dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0. Dokumen Tender TIDAK akan dijual selepas tempoh ini.
3. Semua Petender yang berminat untuk menyertai tender ini wajib berdaftar di link **https://bit.ly/taklimat-ptgs** atau **http://tiny.cc/taklimat-ptgs** untuk membolehkan Petender menyertai sesi taklimat tender. **Tarikh akhir untuk mendaftar kehadiran sesi taklimat** adalah **sebelum 12.00 tengahari 31 Januari 2022 (Isnin)**. Setiap petender hanya dibenarkan menghantar maksimum dua (2) orang wakil sahaja dimana hanya PENAMA di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia sahaja yang boleh menyertai sesi taklimat tender ini. Petender yang tidak menyertai sesi taklimat tidak akan dipertimbangkan dan semua surat menyurat berkaitan dengannya tidak akan dilayan.
4. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada petender/ wakil yang sah sahaja serta **menyertai sesi taklimat tender ini secara VC**. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada petender / wakil yang sah sahaja dengan cara dimuat turun **melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0 mulai 3 Februari 2022 (Khamis) hingga 23 Februari 2022 (Rabu) sebelum 12.00 tengahari.**
5. Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam sampul yang berasingan dan berlakri. Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal" dan "Tawaran Kewangan" di sebelah kiri atas sampul kemudiannya kedua- dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar dan ditandakan dengan jelas pada bahagian atau sampul atau bungkusan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Pejabat seperti berikut:

   SULIT-TENDER/PTGS/01/2022

   Bahagian Khidmat Pengurusan
   Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
   Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
   40576 Shah Alam,SELANG0R
6. Tarikh tutup tender ini adalah pada **23 Februari 2022 (Rabu)** jam 12.00 tengah hari.

Tarikh : 24 Januari 2022 **Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor**

300 pelajar terima RM100

KUALA SELANGOR - Seramai 300 pelajar kurang berkemampuan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Melawati menerima bantuan wang tunai RM100 menerusi program Kembali ke Sekolah.

Wakil rakyat Juwairiya Zulkifli berkata inisiatif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI itu dijangka meringankan beban keluarga dalam menyediakan keperluan persekolahan.

"Tahun sebelum ini, kita tetapkan kedai untuk mereka berbelanja tetapi kali ini lebih bebas. Jadi boleh gunakan wang untuk membeli apa dimahukan.

"Penerima dikenal pasti oleh ketua kampung, penghulu, ahli majlis dan pihak sekolah. Kita hanya beri kepada pelajar yang layak," katanya ditemui selepas menyampaikan bantuan di sini pada 22 Januari.

Tahun ini, MBI memperuntuk RM1.68 juta bagi menjayakan program berkenaan melibatkan seramai 16,800 pelajar di seluruh DUN.

Juwairiya berkata sebanyak 400 beg Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) diagih kepada pelajar pada Disember bagi mengurangkan beban keluarga.

"Pada masa sama, kita juga menziarahi 15 pelajar kurang berkemampuan untuk diberi bakul makanan dan wang tunai," katanya.

LZS bantu baiki 31 rumah

SHAH ALAM - Sebanyak 31 rumah yang terjejas banjir di Kampung Tengah, Puchong menerima bantuan baik pulih daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Sebahagian isi rumah terjejas didaftar sebagai asnaf selain bantuan untuk membaik pulih rumah manakala sebahagian lagi menerima Bantuan Banjir Zakat Selangor (LZSPeduli).

LZS turut membuat serahan barangan keperluan asas kepada beberapa wakil penerima asnaf antaranya alas tidur, barang keperluan solat dan makanan.

"Selain itu, LZS juga menyerahkan dana baik pulih kepada Masjid Nurul Iman, Kampung Tengah berjumlah RM35,000 akibat daripada bencana banjir baru-baru ini," menurut kenyataan pada 22 Januari.

Agensi berharap dengan dana tersebut ahli kariah dan orang ramai dapat menggunakan kembali fasiliti masjid berkenaan dan beribadah dengan sempurna.

Serahan bantuan dibuat Ketua Divisyen Operasi Agihan Sabirin Sarbini yang disertai pegawai operasi Daerah Petaling, penghulu, nazir dan ketua kampung.

RM400,000 pulih 11 sekolah

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) meluluskan peruntukan berjumlah RM397,825 untuk baik pulih 11 sekolah rendah agama di Kuala Selangor.

Setiap sekolah menerima antara RM19,000 hingga RM50,000 menerusi peruntukan yang diluluskan pada Disember tahun lalu.

"Kelulusan ini dalam bentuk surat jaminan (GL) dan membolehkan pihak sekolah menambah baik prasarana bagi meningkatkan keselesaan pelajar dalam mengikuti sesi pembelajaran," kata Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf LZS Mohd Sabirin Mohd Sarbini pada 19 Januari.

Terdahulu, beliau menyempurnakan simbolik serahan cek cura baik pulih 11 sekolah rendah agama di Kuala Selangor.

Man Wei Chong (kanan) dan Tee Kai Wun (dua, kanan) menjuarai kategori beregu lelaki pada Kejohanan Antarabangsa India Syed Modi 2022 di Lucknow, India pada 23 Januari. Foto Facebook Persekutuan Badminton Dunia

Kelayakan Piala Thomas dan Uber

Badminton Asia mulai 15 Februari

KUALA LUMPUR - Badminton Asia mengesahkan Kejohanan Berpasukan Badminton Asia (BATC) 2022 berlangsung di Pusat Konvensyen Setia City di Selangor dari 15 hingga 20 Februari.

Badminton Asia dalam kenyataan pada 25 Januari menyatakan edisi keempat BATC yang juga menjadi kejohanan kelayakan untuk Piala Thomas dan Uber 2022 di Bangkok dianjurkan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan Kerajaan Selangor.

"BAM menggunakan protokol kesihatan yang ketat mengikut standard Persekutuan Badminton Dunia (BWF) dan peraturan ditetapkan kerajaan Malaysia.

"Pemain dan pegawai dari seluruh Asia akan menyertainya dan bertanding untuk gelaran pasukan terbaik di Asia," menurut kenyataan itu.

Badminton Asia yakin dengan kejayaan penganjuran kejohanan itu, daripada pengalaman yang didapati daripada dua siri kejohanan pada 2021 dalam keadaan pandemik Covid-19, iaitu tiga kejohanan di Thailand pada awal tahun dan Festival Badminton Indonesia pada hujung tahun, kedua-duanya dilangsungkan dalam sistem gelembung.

Persatuan Badminton Thailand (BAT) menganjurkan Terbuka Thailand Yonex, Terbuka Thailand Toyota dan Jelajah Akhir BWF pada Januari, manakala Persatuan Badminton Indonesia (PBSI) menjadi tuan rumah kepada Masters Indonesia, Terbuka Indonesia dan Jelajah Akhir BWF, pada hujung tahun lepas. – BERNAMA

BAM benar Zii Jia jadi pemain profesional

KUALA LUMPUR - Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Tan Sri Mohamad Norza Zakaria memberikan lampu hijau kepada pemain perseorangan lelaki nombor satu negara Lee Zii Jia untuk beraksi sebagai pemain profesional.

"Confirmed (Sah)," kata Mohamad Norza mengulas mengenai hantaran Zii Jia dalam Facebook pada 25 Januari.

Ini setelah Zii Jia menyatakan bahawa Mohamad Norza telah "merestui" hasratnya untuk menjadi pemain profesional selepas perjumpaan daripada hati ke hati antara Mohamad Norza dengan beliau bersama ibu bapanya.

"Saya gembira kami sudah menyelesaikan isu ini dengan BAM selepas menerima 'restu' Tan Sri untuk saya menjadi pemain profesional.

"Pencapaian saya di masa lalu dan akan datang akan sentiasa merupakan hasil usaha Tan Sri Norza, BAM dan Malaysia. Saya sentiasa berterima kasih dengan bimbingan dan jagaan Tan Sri dan memberikan saya peluang untuk berkhidmat kepada negara yang saya cintai," kata Zii Jia.

Oleh itu, pemain nombor tujuh dunia itu berkata beliau akan kembali beraksi dengan menyertai Kejohanan Badminton Berpasukan Asia (BATC) 2022 yang dijadualkan berlangsung di Pusat Konvensyen Setia City, Selangor dari 15 hingga 20 Februari ini.

Pada masa sama, anak kelahiran Kedah menggesa setiap orang supaya terus menyokong BAM dan pemain profesional negara, yang bakat mereka juga digilap oleh BAM.

Sementara itu, Zii Jia dalam sidang media lain enggan mengulas laporan berita bahawa beliau menolak satu tawaran RM1 juta yang ditawarkan BAM dalam usaha untuk mengekalkan beliau dalam kemnya.

Pada 21 Januari lalu, Jahaberdeen mengumumkan BAM tidak akan mendaftarkan Zii Jia untuk mana-mana kejohanan antarabangsa selama dua tahun berkuat kuasa dari 18 Januari.

Ini berikutan keputusan pemain berusia 23 tahun itu menyerahkan surat peletakan jawatan daripada mewakili BAM pada 11 Januari untuk menjadi pemain profesional dengan alasan beliau tidak dapat menahan tekanan dan gaya hidup dengan disiplin yang ketat dalam Akademi Badminton Malaysia (ABM). – BERNAMA

Beregu muda juara di India, Sweden

KUALA LUMPUR - Barisan pemain muda kebangsaan mencipta kejayaan bersejarah dalam dua kejohanan antarabangsa di India pada 23 Januari.

Man Wei Chong-Tee Kai Wun dan Anna Ching-Teoh Mei Xing merangkul gelaran sulung pada Kejohanan Antarabangsa India Syed Modi 2022 di Lucknow, lapor Bernama.

Wei Chong-Kai Wun mengecewakan pasangan tuan rumah Krishna Garaga-Vishnuvardhan Panjala 21-18, 21-15 untuk muncul juara beregu lelaki.

Pasangan Anna-Mei Xing pula menewaskan pemain tuan rumah Treesa Jolly-Gayatri Gopichand Pullela 21-12, 21-13 untuk meraih kejuaraan beregu wanita.

Pemain perseorangan lelaki Kok Jing Hong turut mengunguli Terbuka Sweden 2022 selepas rakan sepasukan Yeoh Seng Zoe menarik diri akibat cedera.

Pan Gon latih Harimau Malaya

PETALING JAYA - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) melantik bekas Pengarah Pasukan Kebangsaan Persatuan Bolasepak Korea (KFA) Kim Pan Gon sebagai ketua jurulatih baharu skuad Harimau Malaya bagi menggantikan Tan Cheng Hoe.

Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin berkata jurulatih berusia 52 tahun itu melapor diri pada pertengahan Februari dengan kontrak dua tahun dan pilihan tambahan dua tahun lagi, lapor Bernama.

Katanya, Pan Gon yang menjadi pengendali pertama dari Korea Selatan dilantik ke jawatan itu sejak 1963 akan membawa empat staf terdiri pembantu jurulatih, jurulatih kecergasan dan penjaga gol serta penganalisis.

Beliau berkata FAM memilih Pan Gon berasaskan pemahamannya mengenai bola sepak Malaysia selain pernah melatih pasukan kebangsaan dan memiliki rangkaian antarabangsa.

Bekas atlet para berdikari jual tisu

KUALA LUMPUR - Bekas perenang para negara Koh Lee Peng memilih untuk menjual barangan kecil dan kantung tisu untuk hidup berdikari tanpa mengharap bantuan orang lain.

Pemenang tujuh pingat emas Sukan Para Asean (APG) yang bekerusi roda meminta orang ramai tidak membuat tuduhan tidak berasas tanpa mengetahui cerita sebenar.

Mengakui menerima bantuan beberapa pihak sebelum ini, Lee Peng juga ada menerima tawaran sebagai jurulatih tetapi beliau menolaknya, lapor Bernama.

"Saya bukannya terbiar atau tidak ada rumah sendiri, cuma tidak mahu menganggu adik-beradik kerana mereka sudah ada keluarga sendiri," katanya.

HASNUL BAHARUDDIN
Morib
mengedar limau mandarin kepada pengunjung dan peniaga di Pasar Malam Taman Sri Putra, Kuala Langat

HALIMEY ABU BAKAR
Seri Setia
menyerahkan baucar Jom Shopping Tahun Baharu Cina di Dewan Serbaguna Taman Dato' Hormat, Petaling Jaya

LAU WENG SAN
Banting
menyampaikan limau kepada wakil surau Taman Mentari Bandar Mahkota, Kuala Langat

MAZWAN JOHAR
Sungai Ramal
memberikan baucar Jom Shopping kepada masyarakat Tiong Hua di pusat khidmatnya di Kajang

ELIZABETH WONG
Bukit Lanjan
mengagih buah limau sempena Tahun Baharu Cina di Kepong Hulu, Petaling Jaya

JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama
mengedar sampul angpau kepada pengunjung pasar malam Taman Megah, Petaling Jaya

SHATIRI MANSOR
Kota Damansara
menghulurkan baucar Jom Shopping kepada masyarakat Cina di DUN beliau

LEONG TUCK CHEE
Pandamaran
menghulur sumbangan limau dan sampul angpau kepada peniaga di pasar pagi Jalan Papan, Klang

Tambah anggota percepat agih bantuan

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Sungai Kandis menyarankan pegawai daerah menambah anggota di lapangan bagi mempercepat semakan permohonan dan agihan Bantuan Selangor Bangkit (BSB).

Mohd Zawawi Ahmad Mughni berpendapat langkah terbabit wajar susulan peningkatan jumlah permohonan bantuan banjir RM1,000 yang dilanjutkan sehingga akhir bulan ini.

"Saya melihat pejabat daerah perlu segera memproses permohonan dengan membawa pegawai tambahan dari daerah lain yang kurang terjejas," katanya pada 25 Januari.

Sementara itu, Mohd Zawawi memaklumkan lebih 2,000 keluarga terjejas bencana sekitar Sungai Kandis sama ada yang kekal di rumah atau berada di pusat pemindahan sudah menerima bantuan.

"Kita jangkakan permohonan akan terus bertambah," katanya lagi.

Pada 21 Disember tahun lalu, Kerajaan Negeri menyediakan dana RM100 juta bagi permulaan program BSB susulan banjir di beberapa daerah pada 18 Disember.

Selain pemulihan prasarana, peruntukan itu meliputi bantuan RM10,000 kepada waris korban banjir dan RM1,000 kepada ketua isi rumah bagi membaik pulih semula kediaman.

Individu yang layak menerima bantuan melibatkan tiga kategori iaitu mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan sementara berwarta, swasta serta mereka yang kekal di rumah.

Ringan beban buat persiapan

Hulur baucar rai Tahun Baharu Cina

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

GOMBAK - Baucar Jom Shopping Tahun Baharu Cina bernilai RM100 mula diagih kepada penduduk untuk membuat persiapan perayaan termasuk membeli barang keperluan.

Sebanyak 350 baucar diagih kepada penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua sempena perayaan itu bulan depan, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

"Diharapkan sumbangan ini dapat memeriahkan sambutan Tahun Baharu Cina nanti," katanya yang juga wakil rakyat Sungai Tua selepas menyerahkan baucar berkenaan di sini pada 23 Januari.

Sementara itu, sebanyak 450 baucar sama turut diagih kepada penduduk DUN Bukit Melawati yang sah digunakan mulai 22 hingga 31 Januari.

Wakil rakyatnya Juwairiya Zulkifli berkata bantuan RM100 boleh ditebus di pasaraya Lotus Kuala Selangor untuk penerima menyediakan keperluan raya.

"Penerima juga diberikan buah limau sebagai simbolik perayaan. Kita harap semua menjaga tatacara operasi piawai ketika raya nanti bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19," katanya.

Wakil rakyat Meru Mohd Fakhrulrazi Mohd Mokhtar pula berkata 600 baucar beli-belah diagih mulai minggu depan berserta keperluan harian daripada pusat khidmatnya.

Beliau berkata penduduk juga akan menerima bantuan tunai RM100 daripada Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis).

"Kita berharap bantuan ini dapat meringankan beban penerima khususnya mangsa banjir yang terkesan," katanya pada 19 Januari.

Kaunseling bantu rawat emosi

SHAH ALAM - Program kaunseling bagi menjaga kesihatan mental dan emosi mangsa banjir akibat bencana pada Disember tahun lalu antara tumpuan wakil rakyat Dusun Tua.

Edry Faizal Eddy Yusof berkata usaha itu bagi membantu penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) yang berdepan tekanan serta kebimbangan pascabah.

"Ada yang mendapat rawatan psikiatri di hospital. Mereka trauma, tidak boleh tidur terbayang banjir besar dan kebimbangan melampau," katanya pada 19 Januari.

Selain itu, beliau menjelaskan lebih 4,500 mangsa banjir menerima bantuan RM1,000 untuk fasa pertama manakala bakinya diagih sebelum hujung bulan ini.

"Fasa kedua tidak ramai, anggaran sekitar 100 individu sahaja. Harap bantuan ini ringankan beban mereka. Kita akan bantu sebaik mungkin," katanya.

Antara lokasi lain yang mengalami kerosakan teruk akibat bah ialah Taman Sri Muda, Shah Alam dan Bukit Lanchong, Subang.

AHLI DEWAN NEGERI SUBANG JAYA

MICHELLE NG

- **Umur:** 32 tahun
- **Falsafah hidup** Prinsip dan integriti, bukan umur dan gender - adalah faktor utama keupayaan kepimpinan
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Peguam
- **Alamat pejabat ADN:** 113A, Jalan SS14/1, 47500 Subang Jaya
- **Nombor telefon ADN:** 017-2995 975
- **Facebook:** Michelle Ng Mei Sze
- **E-mel:** michelle.dunsubangjaya@gmail.com

60 keluarga susah dibantu

SHAH ALAM - Seramai 60 keluarga kurang berkemampuan yang terjejas banjir di sekitar Dewan Undangan Negeri Sentosa menerima barangan keperluan bayi.

Ahli Dewan Negerinya Dr G Gunarajah berkata inisiatif yang menerima sambutan diusahakan sejak minggu lalu dengan pendaftaran bantuan dibuat dalam talian.

Beliau juga memaklumkan barangan yang diagih pada 21 Januari antaranya susu formula, bijirin, lampin dan botol susu.

"Barangan keperluan ini sumbangan pelbagai pihak dan pusat khidmat dengan Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA) membantu lancarkan agihan," katanya.

Utamakan B40, ramai tanggungan

SHAH ALAM - Sebanyak 400 baucar Jom Shopping Tahun Baharu Cina diagih kepada penduduk Batang Kali pada 22 Januari sempena perayaan itu bulan depan.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Saifuddin Shafi Muhammad berkata bantuan diutamakan untuk penduduk berpendapatan rendah (B40) dan mempunyai ramai tanggungan.

"Sumbangan ini diharap meringankan beban mereka dalam menyediakan keperluan raya. Kita turut menyerahkan limau kepada mereka," katanya menambah serahan dibuat di pejabat pusat khidmat DUN.

Selain agihan baucar, Saifuddin berkata pihaknya turut mendaftarkan penduduk dengan inisiatif Kerajaan Negeri bagi membolehkan mereka mendapat bantuan sesuai.

500 isi rumah terima RM1,000

SHAH ALAM - Agihan Bantuan Selangor Bangkit sebanyak RM1,000 kepada mangsa banjir sekitar Sijangkang dijangka selesai dalam masa terdekat.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Hairul Nizam Tohar berkata lebih 500 mangsa menerima bantuan berkenaan setakat 20 Januari termasuk Bantuan Wang Ihsan (BWI) dari kerajaan persekutuan.

"Kita terima lebih 3,000 permohonan dan kebanyakannya layak terima. Bantuan diberi secepat mungkin kerana banyak peralatan dan barangan rumah rosak dilanda banjir.

"Sumbangan ini juga dapat digunakan untuk perbelanjaan sambutan Tahun Baharu Cina selain membeli barangan keperluan sekolah," katanya.

PM akui banjir di luar upaya jentera negeri 17

MB pertahan usaha penjawat awam 2

Fasa kedua bersih sisa bah siap Mac 5

Ganti 800km paip jamin bekalan air bersih 6

Badan khas diwujud urus bencana alam 3

selangorkini

Ahli silap mata negara menyerlah di Amerika

KUALA LUMPUR - Ahli silap mata Malaysia, Andrew Lee menempa nama apabila membuat kemunculan menerusi rancangan televisyen Amerika Syarikat (AS) 'Go Big Show' pada 13 Januari.

Beliau melakukan aksi membaling pisau dengan mata tertutup ke arah papan sasaran yang dipegang penyanyi rap AS, T Pain, juga juri bagi program bakat AS bagi musim kedua itu.

Menerusi kenyataan, Lee membuat 650 persembahan secara dalam talian setelah persembahan secara terbuka dibatalkan susulan pandemik Covid-19.

Namun setelah sekatan ditarik, beliau mendapat undangan persembahan di kapal layar terkenal seperti Viking Cruises dan Norwegian Cruise Line, sekali gus membuatnya teruja kerana bakat rakyat Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Beliau juga bakal membuat persembahan di atas kapal pelayaran di AS, Alaska, Mexico, Amerika Selatan dan Asia. - BERNAMA

PM jamin tiada sekatan balik raya

BERA - Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan kerajaan tidak melaksanakan kembali Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sekatan untuk pulang ke kampung bagi sambutan Hari Raya Aidilftri tahun ini.

Katanya, sektor ekonomi dan sosial serta pergerakan merentas negeri dibenarkan kembali seperti biasa, dan jika kes meningkat di sesuatu kawasan, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara bersasar akan dilakukan di kawasan terbabit sahaja.

"Sudah ada orang yang buat spekulasi macam-macam, termasuk tak boleh balik raya kerana kes meningkat semula sejak beberapa hari lepas, namun jangan bimbang, kita tidak akan tutup lagi seluruh negara, atau negeri atau daerah kerana jaminan sudah diberikan," katanya pada 23 Januari. -BERNAMA

Vaksin kanak-kanak mulai 3 Februari

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan (KKM) melaksanakan pemberian vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun bermula Februari ini, sebaik sahaja vaksin Pfizer (kanak-kanak) tiba di Malaysia mulai 31 Januari.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata keputusan itu adalah berdasarkan data, maklumat dan pandangan kumpulan kerja teknikal (TWG), dan panel penulis Garis Panduan Klinikal Vaksinasi Covid-19 Kanak-Kanak.

Bercakap dalam sidang media di Bangunan Parlimen pada 20 Januari, beliau berkata tempahan janji temu vaksinasi bagi kanak-kanak tersebut akan dibuka secara berperingkat bermula 31 Januari ini, dan dibuka kepada ibu bapa yang tinggal di Lembah Klang dahulu, namun perinciannya akan dimaklumkan dalam masa terdekat. -BERNAMA

Sara Heng (tengah), pemain alat muzik tradisi guzheng yang terkenal, bakal mengadakan persembahan dalam talian sempena sambutan Tahun Baharu Cina pada 1 Februari. Alat muzik jenis ini diwarisi sejak 2,500 tahun.

Angpau RM10,000 menanti pemenang

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

SHAH ALAM - Orang ramai berpeluang memenangi angpau keseluruhan berjumlah RM10,000 dengan menyediakan ucapan kreatif dalam siaran langsung sambutan Tahun Baharu Cina 2022 peringkat negeri pada 1 Februari.

Pengerusi Jawatankuasa Khas Agama Buddha dan Tao Selangor Dato' Teng Chang Khim berkata ucapan itu boleh ditulis dalam pelbagai bahasa bagi memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat menyertainya.

"Pengacara program akan memaklumkan waktu penonton boleh menghantar ucapan, sebanyak tiga slot disediakan untuk memenangi angpau berjumlah RM10,000 keseluruhan," katanya pada 21 Januari.

Siaran langsung disiarkan di Facebook Mandarin Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari @ami.mbselangor dan Facebook Teng Chang Khim pada jam 9 malam.

Chang Khim berkata program kebudayaan istimewa sepanjang siaran langsung berkenaan bakal menampilkan seniman daripada tiga generasi dari zaman 1970-an hingga kini.

Jelasnya, nyanyian lagu klasik oleh kumpulan Dua Sekawan dianggotai Chow Kam Leong dan Chang Sang Teck dan tarian singa dipersembahkan Persatuan Tarian Singa Hong Jing.

Beliau berkata, lagu sempena perayaan Tahun Baharu Cina bertajuk 'Salam Tahun Baru' hasil ciptaan Kam Leong juga akan dilancarkan pada program itu.

"Video lagu tersebut dirakam di Kampung Baru Jenjarom, Kuala Langat," katanya.

Desak kempen 21 hari, bersemuka

SHAH ALAM - Pakatan Harapan (HARAPAN) mendesak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membenarkan ceramah dan kempen bersemuka dalam pilihan raya negeri Johor.

Menurut Majlis Presiden, negara semakin bersifat endemik dengan jumlah kes Covid-19 dan kemasukan ke hospital agak stabil selain penerima dos kedua mencecah 80 peratus.

"HARAPAN berpendirian bahawa SPR perlu memperbetul tatacara operasi piawai bagi membolehkan aktiviti ceramah serta kempen bersemuka diadakan dengan selamat," katanya dalam kenyataan pada 24 Januari.

Kenyataan bersama itu ditandatangani Presiden Parti Keadilan Rakyat Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden Parti Amanah Negara Mohamad Sabu, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan Presiden Upko Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Cadangan lain termasuk:

- bahan cetak rumah ke rumah dibenarkan dengan pematuhan ketat SOP
- beri akses media kepada semua parti secara adil
- SPR bergerak aktif di kedutaan Malaysia di luar negara untuk undi pos
- tempoh kempen sekurang-kurangnya 21 hari

Johor bakal mengadakan pilihan raya negeri selepas Sabah, Melaka dan Sarawak.

Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali **Communication Corporation Sdn Bhd**), Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn. Bhd** Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Pesiaran Selangor Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor